KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

# PENDIDIKAN Muzik

## TINGKATAN 3

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
KSSM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# RUKUN NEGARA

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**
mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam
kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana
kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama
secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang
akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar
akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami
untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan
prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

# PENDIDIKAN Muzik

## TINGKATAN 3




PENULIS
Yusri Hussain
Rosman Adam

EDITOR
Sabariah Mohd Ghani

PEREKA BENTUK
Siti Farah Hani Samion



aras mega (m) sdn bhd
(164242-W)
2018

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No Siri Buku : 0079

KPM2018 ISBN 978-967-2212-04-1

Cetakan Pertama 2018
© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (164242-W)
No 18, Jalan Damai 2,
Taman Desa Damai, Sg. Merab
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon: 03-8925 8975
No. Faksimile: 03-8925 8985
Laman Web: www.arasmega.com
E-mel: amsb@arasmega.com

Reka Letak dan Atur Huruf:
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
Muka Taip Teks: Myriad pro
Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:
Mudah Urus Enterprise Sdn. Bhd.
No. 143, Jalan KIP 8,
Taman Perindustrian KIP,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-6273 4337
No. Faksimile: 03-6273 5337

# PENGHARGAAN

Penerbitan buku ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat.

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Jabatan Pendidikan Muzik, Institut Pendidikan Guru Ilmu Khas, Cheras.
- Pusat Kebudayaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Unit Orkestra Cina, Persatuan Kebudayaan Tiong Hua, Universiti Malaya.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

# KANDUNGAN

PENDAHULUAN v
PENERANGAN IKON viii
TOPIK PEMBELAJARAN 1

UNIT 1 INDAHNYA MELODI
Nyanyian Harmoni 4
Lagu Hai Hello Hello 6
Teknik Asas Permainan Alat Muzik 8
Kenali Kord Primer dalam Nada F Major 10
Orkestra Cina Moden 13
Jenis Not dan Tanda Rehat 16
Dinamik dan Artikulasi 18
Teknik Asas Mencipta Corak Irama 19
Mencipta Melodi dalam Meter $\frac{2}{4}$ 20
Penilaian 22

UNIT 2 SAHABAT SELAMANYA
Bernyanyi Mengikut Tempo 26
Lagu Sahabatku 28
Kenali Kord Primer dalam Nada D minor 30
Meter $\frac{3}{8}$ 34
Pengumpulan Not dan Tanda Rehat Meter $\frac{3}{8}$ 35
Nama Not pada Dua Garis Leger 36
Mencipta Melodi dalam Meter $\frac{3}{4}$ 37
Penilaian 40

UNIT 3 INSPIRASI
Teknik Lontaran Suara 44
Lagu Inspirasi 46
Kenali Kord Primer dalam Nada B♭ Major 48
Ensembel Gong Besar 52
Skel F Major 55
Mencipta Melodi dalam Meter $\frac{4}{4}$ 57
Penilaian 60

## UNIT 4 IDOLAKU

Penghasilan Ton dalam Nyanyian 64
Lagu Idolaku 66
Kenali Kord Primer dalam Nada G minor 68
Skel D minor Harmonik 72
Skel Pentatonik 74
Improvisasi Idea Melodi 76
Penilaian 78

## UNIT 5 BUMIKU TERCINTA

Nyanyian dengan Sebutan Huruf Vokal 82
Lagu Bumiku Tercinta 84
Teknik *Alternate Picking* 86
Bermain Gitar Mengiringi Lagu Hai Hello Hello 88
Muzik Klasikal India 90
Kord Primer dalam Nada F Major dan D minor 94
Mencipta Improvisasi Melodi 96
Penilaian 98

## UNIT 6 HARAPANKU MALAYSIA

Menyanyi Mengikut Pic 102
Lagu Harapanku Malaysia 104
Bermain Gitar Mengiringi Lagu Idolaku 106
Etika Persembahan 108
Kord Major dan Kord minor 109
Mencipta Melodi 112
Penilaian 114

## UNIT 7 SELOKA WARISAN

Pengetahuan dan Kemahiran dalam Nyanyian 118
Lagu Seloka Si Kaduk 120
Analisis Skor Lagu 122

**PENILAIAN AKHIR** 124
**GLOSARI** 126
**RUJUKAN** 128




# PENDAHULUAN

Pendidikan Muzik merupakan mata pelajaran yang mampu memperkembangkan aspek intelek dan emosi murid. Pengalaman yang diperoleh melalui pembelajaran ini membolehkan murid membuat eksplorasi, persepsi dan berkomunikasi menerusi muzik. Menerusi kurikulum ini juga, murid akan mempertingkatkan literasi terhadap muzik, mempelajari konvensi penulisan muzik, menilai dan menghayati muzik.

Buku teks Pendidikan Muzik Tingkatan 3 ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang telah disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah. Buku teks ini mengetengahkan lima bidang utama iaitu Ensembel Nyanyian, Ensembel Alat Muzik, Apresiasi Muzik, Membaca dan Menulis Notasi Muzik dan Penghasilan Muzik. Setiap bidang ini memberikan fokus yang tersendiri dalam pembelajaran.

Matlamat pembelajaran Pendidikan Muzik adalah untuk membina pengetahuan, kemahiran muzik dan nilai kepada murid bagi membolehkan mereka mempunyai kesedaran dan penghargaan terhadap estetika muzik dari pelbagai genre, membina potensi diri murid dalam menghasilkan idea kreatif serta mensyukuri keindahan alam ciptaan Tuhan.

Melalui pendedahan terhadap mata pelajaran Pendidikan Muzik, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman muzik menerusi aktiviti nyanyian, mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman muzik menerusi permainan alat muzik, membaca dan menulis notasi muzik, menghasilkan karya dengan menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran muzik, memberi ulasan kritis tentang muzik yang didengari dan juga mengamalkan etika persembahan dan nilai murni menerusi aktiviti muzik.

Pembelajaran dalam buku ini dimulakan dengan halaman stimulus setiap unit yang bertujuan untuk menarik minat murid terhadap kandungan pembelajaran. Dalam setiap unit terdapat kandungan pembelajaran, aktiviti, latihan serta penilaian. Buku ini turut disertakan dengan DVD Audio dan juga audio yang boleh diakses dengan mengimbas *QR Code* bagi membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Penggunaan ikon juga disertakan dalam buku ini untuk membezakan aktiviti-aktiviti secara grafik.

Pada akhir pembelajaran, murid dapat menyanyikan lagu dua lapisan suara dengan pic dan dinamik yang betul mengikut tempo, menyanyikan lagu dengan teknik yang betul, memainkan alat muzik secara ensembel dengan pic dan irama yang betul berdasarkan skor, memainkan alat muzik secara ensembel dengan teknik yang betul, membaca dan menulis not muzik dan tanda rehatnya, meter, not sehingga dua garisan leger, skel dan kord dalam klef trebel serta terminologi muzik dengan betul. Selain itu, murid dapat mencipta melodi mudah dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran notasi muzik, memberikan ulasan tentang Muzik Malaysia dan juga mengamalkan etika latihan dan persembahan serta nilai murni menerusi aktiviti muzik.

Penulis berharap agar buku teks ini menjadi sumber rujukan yang baik kepada guru dalam aktiviti pengajaran di dalam kelas. Guru juga boleh menggunakan aktiviti lain yang berkaitan dengan topik yang dipelajari supaya penglibatan murid lebih pelbagai untuk memastikan hasrat KSSM tercapai bagi melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad ke-21.

**Yusri Hussain**
**Rosman Adam**



# BIDANG UTAMA PENDIDIKAN MUZIK

## 1 ENSEMBEL NYANYIAN

*Ensembel Nyanyian*

Memberi fokus kepada peningkatan kemahiran bernyanyi dengan teknik yang betul serta bernyanyi dengan pic dan sebutan yang betul mengikut tempo. Selain itu, murid juga berpeluang menyanyikan pelbagai genre lagu.

## 2 ENSEMBEL ALAT MUZIK

*Ensembel Alat Muzik*

Memberi fokus kepada penguasaan kemahiran bermain alat muzik secara ensembel. Menerusi kurikulum ini, murid berpeluang untuk memainkan pelbagai genre lagu dengan mengaplikasikan pengetahuan membaca dan menulis notasi muzik yang telah dipelajari.

## 3 APRESIASI MUZIK

*Apresiasi Muzik*

Memberi fokus kepada aktiviti mendengar secara aktif muzik daripada pelbagai budaya. Menerusi bidang ini, murid diberi peluang untuk menghargai, menilai dan memberi ulasan secara kritis setiap genre muzik yang didengar atau ditonton.

## 4 NOTASI MUZIK

*Notasi Muzik*

Memberi fokus kepada aktiviti pembacaan dan penulisan notasi muzik secara konvensional. Murid juga berpeluang untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran membaca dan menulis notasi muzik semasa aktiviti nyanyian, memainkan alat muzik secara ensembel, penciptaan dan apresiasi muzik.

## 5 PENGHASILAN MUZIK

*Penghasilan Muzik*

Memberi fokus kepada aktiviti melahirkan idea kreatif dengan menghasilkan karya seperti penciptaan melodi, corak irama dan bunyi muzikal untuk sesuatu persembahan. Menerusi bidang ini, murid juga secara langsung telah mengaplikasikan elemen-elemen kreativiti dan KBAT yang diperkenalkan dalam KSSM.

# PENERANGAN IKON

Ikon-ikon yang dipaparkan di dalam buku ini bertujuan untuk membantu murid mempertingkatkan pemahaman dan minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Muzik.

| Ikon | Penerangan |
|---|---|
| Audio | Panduan kepada guru dan murid melalui bunyi yang diterjemahkan daripada buku bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran berbentuk *CD* dan *QR Code*. |
| Latihan | Soalan dan latihan yang menguji pemahaman murid tentang topik yang dipelajari. |
| Latihan Nyanyian, Latihan *Strumming*, Latihan Irama | Latihan lazim dalam pembelajaran. |
| NOTA GURU | Panduan kepada guru dan nombor bagi standard pembelajaran. |
| INFO MUZIK | Info tambahan yang berkaitan dengan setiap topik yang dipelajari. |
| TAHUKAH ANDA ? | Ruangan sisipan bagi membantu penambahan maklumat murid. |
| Cadangan Aktiviti | Aktiviti di dalam dan luar bilik darjah secara individu atau berkumpulan yang berkaitan dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Muzik. |
| Penilaian | Soalan pengukuhan bagi keseluruhan setiap unit. |
| Durasi Pembelajaran 30 Min, Durasi Pembelajaran 60 Min | Tempoh proses pengajaran dan pembelajaran pada setiap topik. |
| (ikon otak) | Aktiviti atau latihan yang menguji tahap kemahiran berfikir aras tinggi murid. |
| Kemahiran Abad 21 | Kemahiran Abad ke-21. |
| EMK | Elemen Merentas Kurikulum. |

QR CODE CONTOH

Layari laman sesawang **www.arasmega.com/qr-apps** untuk memuat turun aplikasi pengimbas *Quick Response (QR) CODE.*

Imbasan *QR Code* membantu pengguna untuk terus melayari bahan berkaitan dengan cepat.

Diharapkan agar buku ini menjadi sumber rujukan yang baik dalam memastikan hasrat KSSM tercapai bagi melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad ke-21.



# TOPIK PEMBELAJARAN

**UNIT 1 — TERUKIR INDAH**
Murid mempelajari bidang ensembel nyanyian yang mengandungi lagu Hai Hello Hello, bermain gitar kord Primer F Major, menghayati apresiasi muzik Malaysia iaitu Orkestra Cina Moden, membaca notasi dan mencipta melodi mudah.

**UNIT 2 — SAHABAT SELAMANYA**
Murid mempelajari bidang ensembel nyanyian yang mengandungi lagu Sahabatku, bermain gitar kord Primer D minor, membaca notasi dan mencipta melodi berdasarkan solfa.

**UNIT 3 — INSPIRASI**
Murid mempelajari bidang ensembel nyanyian yang mengandungi lagu Inspirasi, menghayati apresiasi muzik Malaysia iaitu Ensembel Gong Besar, bermain gitar kord Primer B♭ Major dan mencipta melodi sepanjang 8 bar.

**UNIT 4 — IDOLAKU**
Murid mempelajari bidang ensembel nyanyian yang mengandungi lagu Idolaku, bermain gitar kord Primer G minor, membaca notasi dan mencipta melodi sepanjang 16 bar.

**UNIT 5 — BUMIKU TERCINTA**
Murid mempelajari bidang ensembel nyanyian yang mengandungi lagu Bumiku Tercinta, bermain gitar, menghayati apresiasi muzik Malaysia iaitu Muzik Klasikal India, membaca notasi dan mencipta melodi secara improvisasi.

**UNIT 6 — HARAPANKU MALAYSIA**
Murid mempelajari bidang ensembel nyanyian yang mengandungi lagu Harapanku Malaysia, bermain gitar, membaca notasi dan penciptaan melodi.

**UNIT 7 — SELOKA WARISAN**
Murid membuat persembahan secara berkumpulan berdasarkan ensembel nyanyian lagu Seloka Si Kaduk dan menganalisis skor lagu berdasarkan pengetahuan muzik.

Unit 1

# INDAHNYA MELODI

**1.1 Bernyanyi Secara Ensembel**

1.1.1 Bernyanyi lagu dua lapisan suara dengan:
(i) pic yang betul

**2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensembel**

2.1.1 Memainkan alat muzik secara ensembel berdasarkan skor.
(i) teknik yang betul (ii) pic yang betul
(iii) ton yang baik (iv) irama yang betul

2.1.2 Memainkan alat muzik dengan keseimbangan bunyi yang sesuai.

**3.1 Notasi Muzik**

3.1.1 Membaca dan menulis not muzik serta tanda rehat mengikut nilai:
(i) minim bertitik (ii) semikuaver

3.1.3 Menerangkan maksud terminologi.
(i) *mezzo piano* (***mp***) (ii) *mezzo forte* (***mf***)
(iii) *adagio* (iv) *staccato*
(v) *legato*

3.1.4 Menerangkan maksud dan menulis arahan persembahan pada skor muzik.
(i) akhiran 1, 2 (ii) tanda frasa

**4.1 Pengkaryaan Muzik**

4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada C Major menggunakan:
(i) meter $\frac{2}{4}$
(ii) jenis not 𝅝 𝅗𝅥 ♩ ♪
(iii) tanda rehat 𝄻 𝄼 𝄾 𝄽

4.1.2 Merancang dan membuat persembahan hasil ciptaan.

**5.1 Penghayatan Muzik daripada Pelbagai Genre**

5.1.1 Menganalisis dan memberi pendapat tentang muzik Malaysia yang didengari dari aspek:
(i) genre muzik (ii) latar belakang muzik
(iii) alat muzik (iv) fungsi muzik
(v) cara persembahan (vi) elemen muzik :
a) irama
b) melodi
c) ekspresi





*"Melodi merupakan hasil karangan muzikal yang sering dikaitkan dengan emosi manusia. Melodi yang baik sering membawa makna dan mesej tersendiri."*

*Rosman Adam, 2018*

Durasi Pembelajaran 60 Min

## Nyanyian Harmoni

Nyanyian harmoni merupakan nyanyian paduan suara mengikut not-not yang telah digubah secara muzikal. Nyanyian ini terdiri daripada dua atau lebih lapisan suara. Contohnya nyanyian kumpulan duet, nasyid dan koir.

### TAHUKAH ANDA ?

Suara manusia boleh dibahagikan kepada empat jenis suara iaitu soprano, alto, tenor dan bes.






Duet



Nasyid


Koir

**NOTA GURU**

1.1.1 (i)
- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 4 hingga 7.
- Ingatkan murid tentang detik, tempo dan meter yang telah dipelajari.
- Bimbing murid bernyanyi secara harmoni pada latihan nyanyian.
- Bimbing murid bernyanyi lagu Hai Hello Hello secara baris demi baris.



Mari kita menyanyikan latihan di bawah secara harmoni.

### Latihan Nyanyian 1

Audio 1




### Latihan Nyanyian 2

Audio 2

Kumpulan A




Kumpulan B




Kumpulan C




Mari bernyanyi serentak bersama-sama.




Senandungkan melodi latihan nyanyian berikut.

### Latihan Nyanyian 3

Audio 3

♩ = 80



## Mari Bernyanyi

# Hai Hello Hello

♩= 80

Lagu dan lirik : Rosman Adam







## Lirik Lagu Hai Hello Hello

Hai hello hello
Salam sejahtera kepada semua
Di pagi yang indah

Hai hello hello
Salam sejahtera kepada semua
Sama kita gembira

**Hello hello hello hello hello**
Salam sejahtera kepada semua

**Hello hello hello hello hello**
Di mana saja
Semua insan gembira

**Kau buat hariku menjadi indah**
**Kau buat hariku bertambah ceria**

{Info}
Lirik lagu yang berwarna hijau dinyanyikan secara harmoni.

Audio 4 Vokal 2 Suara
Audio 5 Vokal Suara 1
Audio 6 Vokal Suara 2
Audio 7 Minus One

## Teknik Asas Pemainan Alat Muzik

Di dalam bidang Ensembel Alat Muzik, kita akan menguasai permainan alat muzik gitar dengan mengamalkan pengetahuan dan kefahaman muzik. Kita akan mempelajari teknik penjarian kord dan *strumming* yang betul untuk mengiringi lagu.

**Objektif**

- Memainkan alat muzik secara ensembel dengan teknik, pic, ton dan irama yang betul berdasarkan skor.
- Mengaplikasi pengetahuan dan kefahaman muzik menerusi permainan alat muzik.

**Fokus**

- Melalui penguasaan kemahiran bermain alat muzik secara ensembel, murid berpeluang memainkan pelbagai genre lagu dengan mengaplikasikan pengetahuan membaca dan menulis notasi muzik.

## Langkah-langkah Pembelajaran Gitar

1. **Mempelajari penjarian kord** — Kord I, IV dan V dalam nada F Major, D minor, B♭ Major dan G minor.
2. **Memahirkan penjarian** — Memahirkan penjarian dan *strumming* berdasarkan kord dan irama.
3. **Memainkan skel** — Penjarian skel gitar.
4. **Mengiringi lagu** — Bermain gitar berdasarkan kord bagi mengiringi lagu.
5. **Membuat persembahan gitar** — Mempersembahkan ensembel gitar secara kumpulan. Murid bebas menggunakan kreativiti semasa membuat persembahan.



**NOTA GURU**

2.1.1 (i) (ii) 2.1.2
- Durasi pembelajaran selama 120 minit melibatkan halaman 8 hingga 12.
- Bimbing murid bermain gitar dengan teknik yang betul.






## Ringkasan

**Permainan ensembel gitar**

Penjarian kord yang betul + *Strumming* dan permainan skel + Memainkan gitar dengan keseimbangan bunyi yang sesuai

Permainan gitar yang baik merangkumi tempo yang tepat, ton yang baik dan kesesuaian cara *strumming*.

Durasi Pembelajaran 60 Min

## Kenali Kord Primer dalam Nada F Major

Kita akan mempelajari kord primer dalam nada F Major yang terdiri daripada kord F Major, B♭ Major dan C Major.

**Jadual 1.1** Carta kord primer dalam nada F Major.

| Numerasi Roman | I | ii | iii | IV | V | vi | vii° |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kord | F | Gm | Am | B♭ | C | Dm | E dim |
















## Penjarian Gitar Skel F Major




### Cadangan Aktiviti

Mengaplikasi

Mainkan skel F Major di bawah dengan penjarian yang betul.



Tandakan tahap penguasaan anda.

Mahir ◯ Hampir Mahir ◯ Sederhana Mahir ◯

Unit 1

## Latihan Bermain Gitar Kord F Major, B♭ Major dan C Major.

Simbol *Strumming* (Memetik)
- *Strum* ke bawah
- V *Strum* ke atas

Mari kita tepuk irama berikut sebelum mula bermain gitar.




### Latihan *Strumming* 1

Latihan *Strumming* mengiringi lagu Audio 8.

Audio 8

♩ = 80




### Latihan *Strumming* 2

Latihan *Strumming* mengiringi lagu Audio 9.

Audio 9

♩ = 80








## Orkestra Cina Moden

Orkestra Cina Moden atau dikenali sebagai Hua Yue Tuan merupakan ensembel muzik yang menggabungkan ciri-ciri muzik Cina dan Barat. Gabungan tersebut telah menghasilkan satu muzik yang unik dan asli. Ensembel muzik ini sangat popular dalam kalangan masyarakat Cina di seluruh Malaysia.

### Perkembangan Orkestra Cina Moden

**Awal kurun ke-20**

Sekembalinya pelajar Cina yang telah melanjutkan pengajian dalam bidang muzik di Eropah ke tanah air China, mereka telah membentuk sejenis orkestra yang unik dengan menggabungkan muzik Cina dan Barat.

**Tahun 1930-an**

Titik bermulanya orkestra moden di negara China.

**Tahun 1960-an**

Orkestra Cina Moden mula bertapak di Malaysia kesan daripada beberapa ahli muzik tempatan yang melanjutkan pelajaran muzik di Hong Kong dan juga populariti muzik Orkestra Cina Moden itu sendiri melalui rekod-rekod yang boleh didapati di Malaysia.

### Kedudukan Persembahan

Persembahan dalam Orkestra Cina Moden ini mengikut format duduk Orkestra Barat yang terdiri daripada konduktor, pemain alat muzik tiupan, digesek, dipetik dan alat perkusi serta skor muzik.




**NOTA GURU**

5.1.1
- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 13 hingga 15.
- Layari Internet untuk menonton persembahan Orkestra Cina Moden dengan kata kunci "Dance of the Golden Snake".

## Alat Muzik

Orkestra Cina Moden terdiri daripada empat bahagian utama mengikut cara alat tersebut dimainkan iaitu alat muzik bertali yang dipetik, alat muzik bertali yang digesek, alat muzik tiupan dan alat perkusi.

### Alat Muzik Bertali yang Dipetik



*Pipa*, *Yueqin*, *Liu yue qin*, *Sanxian*, *Ruan*, *Guzheng*, *Yanqin*

### Alat Muzik Bertali yang Digesek



*Erhu*, *Gaohu*, *Banhu*, *Zhonghu*, *Gehu*

### Alat Muzik Tiupan



*Dizi*, *Xiao*, *Suona*, *Sheng*

### Alat Perkusi



*Shimian Luo*, *Dagu*, *Jiang zhou Dagu*, *Muyu*, *Luo*, *Bangzi*

## Fungsi Muzik

Orkestra Cina Moden bertujuan untuk hiburan dan sering dianjurkan oleh institusi pertubuhan Cina, persatuan *Buddhist* atau sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dengan pelbagai tujuan.

## Repertoir Orkestra Cina Moden

Kebanyakan lagu diimport dari Hong Kong, Taiwan dan China. Antara lagu-lagu yang sering dimainkan adalah *Tarian Gila Ular Emas, Cahaya Bulan Di Atas Sungai Musim Bunga, Tarian Orang Yao* dan *Lagu Baru Penjaga Kuda (Concerto)*. Ada juga lagu yang berlatar belakangkan tempatan seperti *Malay Dance* (Inang), *Inang Cina* dan *Tanah Airku.*

**Cadangan Aktiviti** — Menganalisis EMK

Layari Internet untuk mendapatkan maklumat tentang ciri-ciri alat muzik Orkestra Cina Moden dan cara dimainkan.



## Elemen Muzik

### Melodi

- Melodi asal lagu klasik cina kebanyakkannya menggunakan skel pentatonik dan alunan melodi dalam gaya seolah-olah bercerita.
- Muzik Orkestra Cina Moden telah dipengaruhi dengan muzik Barat.
- Melodi lagu-lagu yang dimainkan oleh Orkestra Cina Moden tidak terbatas pada skel pentatonik. Ciri-ciri skel pentatonik masih menjadi keutamaan dalam sebuah persembahan lagu.

### Ekspresi

- Menggunakan pelbagai dinamik kuat, lembut, ansur kuat dan ansur lembut.
- Sesuatu bunyi itu boleh dilanjutkan, dilicinkan dan dipendekkan atau dilembutkan secara beransur-ansur.
- Adakalanya bunyi boleh dicepatkan atau dilambatkan.
- Mud yang berbeza-beza.

**QR CODE**

Moonlight of Spring River Golden Hall Vienna
http://arasmega.com/qr-link/moonlight-of-spring-river-golden-hall-vienna/

### Irama

- Irama yang dimainkan lebih menjurus ke arah bunyi-bunyi persekitaran semulajadi.
- Bunyi dan irama yang digabung jalinkan menghasilkan muzik yang amat unik dan asli bercirikan budaya masyarakat Cina.



Durasi Pembelajaran 60 Min

## Jenis Not dan Tanda Rehat

Anda telah mempelajari beberapa nilai not serta tanda rehat pada pelajaran yang lalu. Cuba nyatakan nilai bagi not-not berikut.



| Jenis Not | Simbol | Nilai/Kiraan | Tanda Rehat |
|---|---|---|---|
| Minim bertitik | 𝅗𝅥. | 3 | 𝄼. |
| Semikuaver | 𝅘𝅥𝅯 | ¼ | 𝄿 |

Tanda titik (.) dapat menambah nilai not atau tanda rehat sebanyak setengah (½) daripada nilai not yang asal.

**Contoh:**

𝅗𝅥 + . = 𝅗𝅥.
2 kiraan + 1 kiraan = 3 kiraan

♩ + . = ♩.
1 kiraan + ½ kiraan = 1 ½ kiraan

Satu not semikuaver bersamaan dengan ¼ detik. Jadi, jika ada 4 not semikuaver, ia sama juga dengan satu krocet.

**Contoh:**

𝅘𝅥𝅯 𝅘𝅥𝅯 𝅘𝅥𝅯 𝅘𝅥𝅯 = ♬♬ = ♩
¼ ¼ ¼ ¼ kiraan = 1 kiraan

### Latihan

Menganalisis

Berikan nilai yang sama dengan not atau tanda rehat berikut.

a ♬♬ ♬♬ = 4 ( ♪ )

b ♩. ♩. = ______ ( ♩ )

c 𝅗𝅥. = ______ ( 𝄿 )

d 𝅝 = ______ ( 𝄾 )

**NOTA GURU**

3.1.1 (i) (ii) 3.1.2 (iii)

- Durasi pembelajaran selama 90 minit melibatkan halaman 16 hingga 18.
- Bimbing murid melakukan latihan menepuk irama secara individu dan kumpulan.
- Guru membahagikan murid kepada dua kumpulan. Kumpulan 1 menepuk bar 1 dan 2. Kumpulan 2 menepuk bar 3 dan 4.



Mari senandungkan irama berikut sambil menepuk tempo berikut.

### Latihan Irama 1

Audio 10




### Latihan Irama 2

Audio 11




### Latihan Irama 3

Audio 12




### Latihan Irama 4

Audio 13



## Dinamik dan Artikulasi

Terminologi muzik biasanya kita lihat di dalam sesebuah skor muzik yang dicetak. Beberapa terminologi yang perlu dikuasai adalah terminologi dinamik, tempo dan arahan persembahan.

| Istilah | Simbol | Maksud |
|---|---|---|
| *Mezzo piano* | ***mp*** | Sederhana lembut |
| *Mezzo forte* | ***mf*** | Sederhana kuat |
| *Staccato* | ***Stacc*** | Terputus-putus |
| *Legato* | ***Leg/Legato*** | Lancar atau licin |

## Tempo

| Istilah | Simbol | Maksud |
|---|---|---|
| *Adagio* | ***Adagio*** | Perlahan ♩ = 66 - 76 |

## Arahan Persembahan

| Istilah | Simbol | Maksud |
|---|---|---|
| Akhiran 1, 2 |   | Main sehingga tanda akhiran 1, kemudian ulang semula dari tempat yang ada tanda permulaan ulangan dan terus bermain sehingga berjumpa tanda akhiran 2. Bar yang mempunyai tanda akhiran 1 tidak perlu dimainkan. |
| Tanda Frasa |   | |

Frasa merupakan satu rangkai lagu dan dinyanyikan dalam satu nafas atau tidak putus. Dalam penulisan skor muzik, frasa ditanda dengan simbol berikut:







## Teknik Asas Penciptaan

Di dalam bidang Penghasilan Muzik, kita akan belajar membuat ciptaan melodi dengan menggunakan kaedah yang mudah. Penciptaan dapat menjana idea tulen dan mencungkil daya kreativiti dalam penghasilan ciptaan masing-masing.

**Objektif**
- Mencipta melodi mudah dengan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran notasi muzik.
- Menghasilkan karya muzik dengan menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran muzik.

**Fokus**
- Menghasilkan penciptaan corak irama, melodi dan bunyi muzikal bagi sesuatu persembahan.

### Langkah-langkah Penciptaan

| Mencipta corak irama | Menyusun pic | Mencipta lirik | Membuat persembahan |
|---|---|---|---|
| Menggunakan meter $\frac{2}{4}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$ menyusun not 𝅝 𝅗𝅥 ♩ ♪ dan tanda rehat 𝄻 𝄼 𝄽 𝄾 | Berdasarkan solfa **do, re, mi, fa, so, la** dan susun pada baluk. | Mencipta lirik yang mempunya makna dan ketepatan irama yang betul. | Menyanyikan hasil ciptaan dengan iringan gitar dan alat perkusi. |

Sebelum kita membuat ciptaan mari kita fahamkan maksud irama, pic dan melodi. Pemahaman ini membantu kita menghasilkan muzik dengan lebih baik.

**Irama**

Irama bermaksud pergerakan bunyi muzikal yang terhasil daripada gabungan bunyi panjang dan pendek.



**Pic**

Pic bermaksud kedudukan bunyi seperti rendah, tengah dan tinggi.

 Rendah
 Tengah
 Tinggi

**Melodi**

Contoh melodi :




## Ringkasan

**Melodi** = **Irama** + **Pic**

**NOTA GURU**

4.1.1 (i)(ii)(iii) 4.1.2

- Durasi pembelajaran selama 90 minit melibatkan halaman 19 hingga 21.

Durasi Pembelajaran 60 Min

Unit 1

## Mencipta Melodi dalam Meter $\frac{2}{4}$

Dalam unit ini, kita akan mencipta melodi menggunakan meter $\frac{2}{4}$.

**INFO MUZIK**

Lagu nyanyian mempunyai lirik yang difahami dan lagu yang melodinya dimainkan oleh sesebuah alat yang berpic dipanggil lagu instrumental.

### Langkah 1

Kita akan menghasilkan corak irama sepanjang 8 bar dengan menggunakan not ♩ dan 𝅗𝅥 sebagai irama asas penciptaan.

**Contoh corak irama**



### Langkah 2

Gunakan solfa **do, mi** dan **so** sebagai permulaan. Letakkan solfa di bawah corak irama.

**Contoh corak irama berserta solfa**




**TAHUKAH ANDA ?**

Pada kebiasaannya, sesebuah lagu berakhir dengan not tonik. Tonik adalah not **do** bagi sesebuah skel.

### Langkah 3

Susunkan corak irama dan solfa yang telah dicipta di Langkah 2 pada baluk dalam nada C Major. **Do** adalah not C, **mi** adalah not E dan **so** adalah not G.

**Contoh susunan corak irama dan solfa pada baluk**




### Langkah 4

Namakan hasil karya anda dan letakkan tempo yang sesuai. Kemudian, masukkan nama pencipta dan lirik karya tersebut.




**Cadangan Aktiviti** — EMK Kreativiti & Inovasi — Mencipta

Cipta melodi anda sendiri mengikut langkah 1 hingga 4. Persembahkan ciptaan anda pada akhir pembelajaran. Selamat mencipta.

**Tip Penciptaan**

Gunakan corak irama yang berulang-ulang bagi pengukuhan melodi sesebuah penciptaan.

## Penilaian

1 Berdasarkan lagu Bersusah Dahulu Bersenang Kemudian, jawab soalan berikut.

### Bersusah Dahulu Bersenang Kemudian

Lagu dan Lirik: Yusri Hj. Hussain




a. Nyatakan tempo serta maksudnya bagi lagu Bersusah Dahulu Bersenang Kemudian.

______________________________________________

b. Bagaimanakah seharusnya bar 6 dan 8 dinyanyikan?

______________________________________________

c. Nyatakan nombor bar yang mempunyai simbol *mezzo forte*.

______________________________________________

d. Bagaimanakah fungsi arahan persembahan Akhiran 1 dan 2?

______________________________________________

e. Apakah maksud simbol yang terdapat pada detik pertama di bar 1?

______________________________________________

f. Nyatakan nilai murni yang terdapat di dalam lagu Bersusah Dahulu Bersenang Kemudian.

______________________________________________



2 Nyatakan perbezaan antara nyanyian duet dan nyanyian koir.

______________________________________________

3 Mengapakah Orkestra Cina Moden dikatakan sebagai sebuah muzik unik dan asli?

______________________________________________

______________________________________________

4 Tandakan *strum up* dan *strum down* pada irama berikut:



### Tandakan tahap penguasaan anda.

Menguasai nyanyian secara harmoni dengan pic yang betul.

**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Menguasai bermain gitar dengan penjarian kord F Major, $B^{\flat}$ Major dan C Major dengan betul.

**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Menguasai bermain gitar dengan skel penjarian kord primer F Major dengan betul.

**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Membaca dan menulis not serta tanda rehat mengikut nilai minim bertitik dan semikuaver serta menerangkan maksud dan menulis arahan persembahan.

**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Menghayati apresiasi Ensembel Orkestra Cina Moden.

**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Mencipta melodi dalam meter $\frac{2}{4}$.

**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Unit 2

# SAHABAT SELAMANYA

**1.1 Bernyanyi Secara Ensembel**

1.1.1 Bernyanyi lagu dua lapisan suara dengan:
(iii) tempo yang betul

**2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensembel**

2.1.1 Memainkan alat muzik secara ensembel berdasarkan skor.
(i) teknik yang betul
(ii) pic yang betul
(iii) ton yang baik
(iv) irama yang betul

2.1.2 Memainkan alat muzik dengan keseimbangan bunyi yang sesuai.

**3.1 Notasi Muzik**

3.1.2 Menulis meter $\frac{3}{8}$ dengan menekankan aspek berikut:
(i) maksud angka pada meter $\frac{3}{8}$
(ii) garis bar
(iii) pengumpulan not dan tanda rehat

3.1.5 Membaca, menulis dan menganalisis not dalam klef trebel sehingga 2 garisan leger.

**4.1 Pengkaryaan Muzik**

4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada C Major menggunakan:
(i) meter $\frac{3}{4}$
(ii) jenis not 𝅝 𝅗𝅥 ♩ ♪
(iii) tanda rehat 𝄻 𝄽 𝄾 𝄼

4.1.2 Merancang dan membuat persembahan hasil ciptaan.





Durasi Pembelajaran 60 Min

## Bernyanyi Mengikut Tempo

Tempo merupakan kelajuan detik bagi sesebuah lagu. Bagi penyanyi atau pemuzik, tempo memberi panduan kepada mereka sama ada muzik tersebut cepat atau lambat untuk dimainkan atau dinyanyikan. Metronom membantu memberikan satu ukuran tempo dengan detik yang konsisten.

**Tempo**

- *Moderato* 90-104 bpm
- *Andante* 76-89 bpm
- *Allegreto* 105-115 bpm
- *Adagio* 66-75 bpm
- *Allegro* 128-167 bpm
- *Presto* 168-200 bpm

Mari kita imbas kembali tempo yang telah dipelajari pada pembelajaran yang lalu.



Metronom merupakan sebuah alat yang menghasilkan bunyi klik atau bunyi-bunyi yang lain pada kelajuan yang sama dan boleh ditentukan kelajuannya oleh pengguna itu sendiri. Pencetus idea asal alat ini ialah seorang cendekiawan Islam dari Andalusia yang bernama Abbas Ibn Firnas (810-887). Kemudian, pada tahun 1815, Johann Maelzel telah mendaftarkan hak cipta alat ini dan dikenali sebagai metronom. Terdapat tiga jenis metronom iaitu jenis analog, jenis digital dan jenis perisian.

**Jenis Analog**



**Jenis Digital**




**Jenis Perisian**




**NOTA GURU**

1.1.1 (iii)
- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 26 hingga 29.
- Bimbing murid bernyanyi secara harmoni pada latihan nyanyian.





Senandungkan melodi latihan nyanyian berikut.

**Latihan Nyanyian 4**

Audio 14

♩ = 120




**Latihan Nyanyian 5**

Audio 15

♩ = 120




**Latihan Nyanyian 6**

Audio 16

♩ = 120



## Mari Bernyanyi

### Sahabatku

♩= 120

Lagu dan lirik : Yusri Hj. Hussain




### Lirik Lagu Sahabatku

Sahabatku…
Kau umpama riuhan burung
Di pagi hari memberi keriangan

Sahabatku…
Kau umpama kerlipan bintang
Di malam hari menerangi kelamku
Di saat dukaku

**Terima kasihku ucapkan kepadamu sahabatku**
Atas kesetiaanmu menemaniku selalu
**Terima kasihku ucapkan kepadamu sahabatku**
Susah senang yang ku rasakan
Kau sentiasa bersamaku

**Sahabatku...**

{Info}
Lirik lagu yang berwarna hijau dinyanyikan secara harmoni.

Audio 17 Vokal 2 Suara
Audio 18 Vokal Suara 1
Audio 19 Vokal Suara 2
Audio 20 Minus One



Durasi Pembelajaran 60 Min

## Kenali Kord Primer dalam Nada D minor

Kita akan mempelajari kord primer dalam nada D minor yang terdiri daripada kord D minor, G minor dan A Major.

**Jadual 2.1** Carta kord primer dalam nada D minor.

| Numerasi Roman | i | ii° | III | iv | V | VI | VII |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kord | Dm | E dim | F | Gm | A | B♭ | C |

Dm







Gm







A







**NOTA GURU**

2.1.1 (i) (ii) 2.1.2

- Durasi pembelajaran selama 120 minit melibatkan halaman 30 hingga 33.
- Bimbing murid memahirkan kord yang dipelajari.





### Penjarian Gitar Skel D minor Harmonik




**Cadangan Aktiviti**

Mengaplikasi

Mainkan skel D minor harmonik dengan penjarian yang betul.



Tandakan tahap penguasaan anda.

**Mahir** ◯ **Hampir Mahir** ◯ **Sederhana Mahir** ◯

Durasi Pembelajaran 60 Min

## Latihan Bermain Gitar Kord D minor, G minor dan A Major.

Mari kita tepuk irama berikut sebelum mula bermain gitar.




### Latihan *Strumming* 3

Latihan *Strumming* mengiringi lagu Audio 21.

**Mimpi**

♩ = 80 *Intro 2 bar*

Audio 21






### Latihan *Strumming* 4

Latihan *Strumming* mengiringi lagu Audio 22.

**Tari-tari**

♩ = 80 *Intro 2 bar*

Audio 22




**Cadangan Aktiviti**

**Mengaplikasi**

Mainkan Latihan *Strumming* 3 dan 4. Tandakan tahap penguasaan anda.

**Mahir** ◯ **Hampir Mahir** ◯ **Sederhana Mahir** ◯

## Meter $\frac{3}{8}$

Meter $\frac{3}{8}$ juga dikenali sebagai meter lazim tigaan (*triple*). Meter ini memiliki ciri-ciri pembahagian utama yang mengandungi tiga detik dalam satu bar.



Dalam meter $\frac{3}{8}$ angka 3 di atas menerangkan ada 3 detik dalam satu bar. Sementara pada bahagian bawah, 8 menerangkan jenis not kuaver.

### Contoh corak irama $\frac{3}{8}$

a




b




### Latihan

Berikan nilai yang sama dengan not atau tanda rehat berikut.

Menganalisis

Contoh:

a ♩. + ♩ = 5 ( ♪ )

b 𝄾 + 𝄽 + 𝄽. = ____ ( ♩. )

c 𝅘𝅥𝅯 + 𝅘𝅥𝅯 + 𝅘𝅥𝅯 + 𝅘𝅥𝅯 + 𝅘𝅥𝅯 + 𝅘𝅥𝅯 = ____ ( ♪ )

d ♩ + 𝅘𝅥𝅯𝅘𝅥𝅯𝅘𝅥𝅯𝅘𝅥𝅯 + 𝄽. = ____ ( 𝄾 )

**NOTA GURU**

3.1.2
(i) (ii) (iii)
3.1.5

- Durasi pembelajaran selama 90 minit melibatkan halaman 34 hingga 36.
- Berikan latihan tambahan kepada murid tentang meter $\frac{3}{8}$



## Pengumpulan Not dan Tanda Rehat Meter $\frac{3}{8}$

Tujuan pengumpulan not dan tanda rehat adalah untuk memudahkan pembacaan skor muzik. Secara amnya, yang paling penting, susunan pengumpulan not-not dan tanda rehat berkenaan perlu dapat menunjukkan bilangan setiap bit dalam satu bar mengikut sesuatu meter.

a

Sebelum pengumpulan not



Selepas pengumpulan not



b

Sebelum pengumpulan not



Selepas pengumpulan not



c

Sebelum pengumpulan not



Selepas pengumpulan not



## Nama Not pada Dua Garis Leger

Kedudukan not dalam klef trebel pada dua garisan leger adalah seperti berikut:




Not pada dua garisan leger

Not pada dua garisan leger

### Latihan

Mengaplikasi

a Namakan not-not berikut:

i.



ii.



b Dengan menggunakan not semibrif ( o ), notasikan not-not berikut di dalam baluk.








## Mencipta Melodi dalam Meter $\frac{3}{4}$

Di dalam unit ini kita membuat penambahan solfa **do, re, mi, fa** dan **so**. Gunakan meter $\frac{3}{4}$ dalam penciptaan ini.

**Tip Penciptaan**

Lagu mempunyai ciri pengulangan corak irama. Solfa terakhir sesebuah ciptaan akan berakhir dengan **do**.

**Langkah 1**

Hasilkan corak irama sepanjang 8 bar. Gunakan not ♩ dan 𝅗𝅥 sebagai irama asas penciptaan.



**Langkah 2**

Letakkan solfa **do, re, mi, fa** dan **so** di bawah corak irama.




**NOTA GURU**

4.1.1 (i), (ii), (iii)
4.1.2

- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 37 hingga 39.
- Bimbing murid membuat penciptaan corak irama.

## Langkah 3

Susunkan corak irama dan solfa yang telah diciptakan di Langkah 2 pada baluk dalam nada C Major. **Do** adalah not C, **re** adalah not D, **mi** adalah not E, **fa** adalah not F dan **so** adalah not G.




## Langkah 4

Mencipta lirik, tajuk lagu, pencipta dan tempo yang sesuai bagi ciptaan tersebut.

### Matahari

♩= 110

Lagu dan lirik : Sabna




## Langkah 5

Rancang satu persembahan di dalam kumpulan masing-masing. Persembahkan melodi ciptaan secara nyanyian di hadapan kelas dengan diiringi oleh gitar yang memainkan kord iringan.

### Matahari

♩= 110

Lagu dan lirik : Sabna




**Cadangan Aktiviti**

Kerja Berpasukan · Kemahiran Abad ke-21 · Mencipta

Bentukkan satu kumpulan. Ciptakan melodi dan lirik dengan menggunakan meter $\frac{3}{4}$ sepanjang 8 bar. Persembahkan di hadapan kelas secara nyanyian dan bermain gitar untuk mengiringi kord.

## Penilaian

1 Apakah peranan metronom dalam latihan nyanyian?

______________________________________________

2 Tandakan *strum up* dan *strum down* pada irama berikut.



3 Lukiskan garis bar berdasarkan meter berikut.

a


b


c


d


4 Notasikan semula pengumpulan not dan tanda rehat mengikut meter yang diberikan dengan betul.

a


b


### Tandakan tahap penguasaan anda.

- Menguasai nyanyian secara harmoni dengan tempo yang betul.
  Mahir ○ Hampir Mahir ○ Sederhana Mahir ○
- Menguasai bermain gitar dengan penjarian kord D minor, G minor dan A minor dengan betul.
  Mahir ○ Hampir Mahir ○ Sederhana Mahir ○
- Menguasai bermain gitar dengan skel penjarian kord primer D minor dengan betul.
  Mahir ○ Hampir Mahir ○ Sederhana Mahir ○
- Menulis meter $\frac{3}{8}$ menerangkan maksud terminologi, menerangkan maksud dan menulis arahan persembahan, membaca, menulis dan menganalisis not dalam klef trebel.
  Mahir ○ Hampir Mahir ○ Sederhana Mahir ○
- Mencipta melodi meter $\frac{3}{4}$.
  Mahir ○ Hampir Mahir ○ Sederhana Mahir ○

Unit 3

# INSPIRASI

## 1.1 Bernyanyi Secara Ensembel

1.1.2 Bernyanyi dengan teknik yang betul:
- (i) lontaran suara (voice projection)

## 2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensembel

2.1.1 Memainkan alat muzik secara ensembel berdasarkan skor.
- (i) teknik yang betul
- (ii) pic yang betul
- (iii) ton yang baik
- (iv) irama yang betul

2.1.2 Memainkan alat muzik dengan keseimbangan bunyi yang sesuai.

## 3.1 Notasi Muzik

3.1.6 Menulis skel dalam klef trebel secara menaik dan menurun dalam:
- (i) F Major (1 oktaf)

## 4.1 Pengkaryaan Muzik

4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada C Major menggunakan:
- (i) meter $\frac{4}{4}$
- (ii) jenis not 𝅝 𝅗𝅥 ♩ ♪
- (iii) tanda rehat 𝄻 𝄼 𝄾 𝄽

4.1.2 Merancang dan membuat persembahan hasil ciptaan.

## 5.1 Penghayatan Muzik daripada Pelbagai Genre

5.1.1 Menganalisis dan memberi pendapat tentang muzik Malaysia yang didengari dari aspek:
- (i) genre muzik
- (ii) latar belakang muzik
- (iii) alat muzik
- (iv) fungsi muzik
- (v) cara persembahan
- (vi) elemen muzik :
  - a) irama
  - b) melodi
  - c) ekspresi





*Perkembangan teknologi muzik dengan perisian digital audio workstation banyak membantu menghasilkan dan menterjemahkan penciptaan muzik dengan lebih berkesan. Kini, penciptaan muzik menjadi lebih mudah dan menarik.*

## Teknik Lontaran Suara

Teknik lontaran suara merupakan satu kaedah untuk menghasilkan suara yang jelas, lantang dan bertenaga. Lontaran suara bukan bermaksud menjerit. Jeritan terjadi apabila seseorang penyanyi mengeluarkan suara yang kuat secara paksaan dan boleh mendatangkan kecederaan kepada peti suara penyanyi.

**Anatomi Vokal**




Bukaan rongga-rongga tekak, mulut dan hidung secara luas dan tenang akan dapat melontarkan suara dengan lebih berkesan dan kekuatan bunyi yang maksima. Ketegangan pada rongga-rongga tersebut menyebabkan lontaran suara berlaku secara terpaksa dan suara penyanyi menjadi seakan-akan menjerit dan cepat letih.

**Cadangan Aktiviti** — Mengaplikasi

Senandungkan 'mmmmmmm' bermula dengan lembut, kemudian sederhana kuat dan seterusnya kuat. Lakukan latihan ini beberapa kali. Ini akan dapat membantu anda mencapai lontaran suara yang dikehendaki.

**INFO MUZIK**

Latihan nyanyian ini perlu dijadikan rutin seharian anda. Lakukan latihan ini sekurang-kurangnya 10 minit setiap hari. Lama kelamaan, anda akan dapat berasa perubahan dalam suara nyanyian anda.

**NOTA GURU**

1.1.2 (i)
- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 44 hingga 47.
- Bimbing murid menyanyikan melodi lagu Inspirasi secara baris demi baris. Kemudian, bimbing murid menyanyikan suara kedua lagu tersebut.



Senandungkan melodi latihan nyanyian berikut.

### Latihan Nyanyian 7

Audio 23

♩ = 80




### Latihan Nyanyian 8

Audio 24

♩ = 80



## Mari Bernyanyi

# Inspirasi

♩= 80

Lagu dan lirik : Rosman Adam







## Lirik Lagu Inspirasi

Mindaku selalu menunggu
Menunggu ke destinasiku
Bilakah waktu akan bertemu
Sumber ilhamku sampainya waktu

Mindaku selalu memburu
Sang waktu tak akan ku tunggu
Mencari satu detik bertemu
Minda sedarku akan bertemu

**Kau sumber inspirasi**
**Bagaikan sinar menerangi hari**
**Kau sumber inspirasi**
**Meniti hasratku indah bersemi**

Inspirasi bukannya dalam mimpi
Bukan hanyalah dalam fantasi
Inspirasi bukannya dalam mimpi
Akan menjelma dalam realiti

**{Info}**
Lirik lagu yang berwarna hijau dinyanyikan secara harmoni.

Audio 25 Vokal 2 Suara
Audio 26 Vokal Suara 1
Audio 27 Vokal Suara 2
Audio 28 Minus One

Durasi Pembelajaran 60 Min



## Kenali Kord Primer dalam Nada B♭ Major

Kita akan mempelajari kord primer dalam nada B♭ Major yang terdiri daripada kord B♭ Major, E♭ Major dan F Major.

**Jadual 3.1** Carta kord primer dalam nada B♭ Major.

| Numerasi Roman | I | ii | iii | IV | V | vi | vii° |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kord** | B♭ | Cm | Dm | E♭ | F | Gm | A dim |










**NOTA GURU**

2.1.1 (i) (ii) (iii) (iv) 2.1.2

- Durasi pembelajaran selama 120 minit melibatkan halaman 48 hingga 51.
- Bimbing murid memahirkan kord yang dipelajari.



## Penjarian Gitar Skel B♭ Major






**Cadangan Aktiviti**

*Mengaplikasi*

Mainkan skel B♭ Major dengan penjarian yang betul.



Tandakan tahap penguasaan anda.

**Mahir** ◯ **Hampir Mahir** ◯ **Sederhana Mahir** ◯

Durasi Pembelajaran 60 Min

## Latihan Bermain Gitar Kord B♭ Major, E♭ Major dan F Major.

Mari kita menyanyi corak irama sambil menepuk tempo berikut sebelum mula bermain gitar.




Unit 3

### Latihan *Strumming* 5

Latihan *Strumming* mengiringi lagu Audio 29.

**Hari Yang Pasti**

♩ = 90 *Intro 2 bar*

Audio 29




### Latihan *Strumming* 6

Latihan *Strumming* mengiringi lagu Audio 30.

**Ketentuan**

♩ = 90 *Intro 2 bar*

Audio 30




Unit 3

**Cadangan Aktiviti**

Mengaplikasi

Mainkan Latihan *Strumming* 5 dan 6. Tandakan tahap penguasaan anda.

**Mahir** ◯ **Hampir Mahir** ◯ **Sederhana Mahir** ◯

## Ensembel Gong Besar

Ensembel Gong Besar merupakan salah satu muzik etnik yang terdapat di negeri Sarawak dan Sabah. Ensembel ini terdiri daripada jumlah bilangan gong yang berbeza jenis dan nama mengikut kaum sesuatu tempat. Gong ini digantung secara menegak semasa persembahan.



**INFO MUZIK**

Gong merupakan sejenis alat muzik idiofon yang berasal dari Asia Tenggara. Gong telah wujud sejak zaman gangsa lagi di Yunani. Gong juga dimainkan bagi mengiringi persembahan wayang kulit di Indonesia.

### Cara Persembahan



Gong dimainkan dengan menggunakan pemukul yang berbalut atau pemukul kayu. Seseorang pemain akan memukul gong mengikut rentaknya yang tersendiri. Apabila terdapat dua atau lebih gong yang dimainkan serentak akan terhasil satu gabungan rentak yang bertingkah-tingkah serta melodinya. Di Sarawak dan Sabah, sistem talaan gong besar tidak sama bagi setiap ensembel gong. Perkara yang dititikberatkan adalah jeda tertentu daripada satu pic gong kepada pic gong yang lain dan juga dari segi warna ton gong berkenaan.

**NOTA GURU**

5.1.1
- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 52 hingga 54.
- Layari Internet untuk menonton persembahan Ensembel Gong Besar.





## Ensembel Gong Besar Negeri Sarawak

### Alat Muzik




### Fungsi Muzik

Fungsi asalnya adalah sebagai alat komunikasi menghantar berita antara satu rumah panjang dengan satu rumah panjang yang lain. Selain itu, ensembel ini juga digunakan untuk mengiringi tarian dan pelbagai upacara ritual seperti upacara pengkebumian atau acara keagamaan. Kini, ensembel ini dipersembahkan bagi tujuan sosial atau hiburan di pesta-pesta kebudayaan seperti Hari Gawai.

QR CODE

Sarawak Ritual Gong Music
http://arasmega.com/qr-link/sarawak-ritual-gong-music/

### Elemen Muzik

**Melodi**

Melodi dalam ensembel ini dihasilkan daripada permainannya yang bertingkah-tingkah melalui alat-alat muzik gong yang memiliki pic tertentu.

**Irama**

Setiap pemain dalam ensembel gong ini akan memainkan alat muzik mereka dengan rentak yang tersendiri. Ada pemain yang akan memukul gong pada *downbeat* dan ada pemain yang akan memukul gong pada *upbeat*. Semua rentak-rentak yang dimainkan secara ensembel akan menghasilkan rentak bunyi yang bertingkah-tingkah bagi satu gabungan rentak melodi.

**Ekspresi**

Ekspresi dipamerkan mengikut upacara atau persembahan tertentu. Contohnya, upacara pengkebumian mud muziknya lebih bersifat sedih. Semasa pesta Hari Gawai pula mud lagu lebih kepada riang dan gembira.

## Ensembel Gong Besar Negeri Sabah *Sapogandangan*

Gong merupakan alat muzik yang amat popular di seluruh pelusuk di negeri Sabah. Setiap kaum di Sabah memainkan Ensembel Gong Besar dengan caranya yang tersendiri. Set ensembel gong ini terdiri daripada 5 hingga 12 gong dan adakalanya mungkin mencecah sehingga 36 buah gong.

### Alat muzik


Sanang


Karatung


Gong

### Fungsi muzik

Ensembel Gong Besar sering dipersembahkan di majlis-majlis sosial. Ini termasuklah mengiringi tarian, upacara keagamaan, kematian, pesta-pesta dan menyambut tetamu.

QR CODE

Penampang Kaamatan-Gong Players
http://arasmega.com/qr-link/penampang- kaamatan-gong-players/

### Elemen muzik

**Melodi**

Peranan melodi dalam ensembel ini adalah kurang penting berbanding dengan irama. Jadi ensembel ini lebih kepada untuk mengiringi tarian. Sama seperti Gong Besar Negeri Sarawak melodi dihasilkan daripada permainannya yang bertingkah-tingkah melalui alat-alat muzik gong yang memiliki pic tertentu.

**Irama**

Ada alat muzik yang memainkan bit yang berterusan secara *downbeat* dan ada yang bermain secara *upbeat*. Permainan ini dimainkan secara bertingkah-tingkah. Ini menghasilkan bunyi rentak yang berlainan.

**Ekspresi**

Ekspresi diperlihatkan semasa sesuatu upacara atau majlis itu berlangsung. Semasa seseorang dalam keadaan nazak contohnya lagu bermula dengan tempo yang perlahan dan dimainkan semakin laju. Apabila seseorang telah meninggal, temponya kembali perlahan.





## Skel F Major

Anda telah mempelajari mengenai cara menotasikan skel C Major dan G Major pada baluk pada pembelajaran lalu. Seperti sebelumnya, dalam nada Major jarak di antara not ke-3 dan ke-4 serta not ke-7 dan ke-8 merupakan semiton. Sementara jeda-jeda yang lain merupakan satu ton.

**Skel F Major Menaik Tanpa Tanda Nada**




**Skel F Major Menaik dengan Tanda Nada**




**Skel F Major Menaik dan Menurun Tanpa Tanda Nada**




**Skel F Major Menaik dan Menurun dengan Tanda Nada**




**NOTA GURU**

3.1.6 (i) • Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 55 hingga 56.

## Latihan

Mengaplikasi

**a** Notasikan skel F Major dan kaitkan not semitonnya.

i. Menaik dengan tanda nada



ii. Menurun tanpa tanda nada



**b** Namakan skel berikut.

i.



Skel: _______________

ii.



Skel: _______________





Durasi Pembelajaran 60 Min

## Mencipta Melodi dalam Meter $\frac{4}{4}$

Di dalam unit ini, kita boleh menggunakan solfa **do, re, mi, fa,** dan **so**. Gunakan meter $\frac{4}{4}$ dalam penciptaan ini.

### Langkah 1

Hasilkan corak irama sepanjang 16 bar dengan menggunakan not ♩ ♪ dan 𝅗𝅥 sebagai irama asas penciptaan.



### Langkah 2

Letakkan solfa **do, re, mi, fa** dan **so** di bawah corak irama.




**NOTA GURU**

4.1.1 (i) (ii) (iii) 4.1.2

- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 57 hingga 59.



Unit 3

## Langkah 3

Susunkan corak irama solfa yang telah diciptakan di Langkah 2 pada baluk dalam nada C Major. **Do** adalah not C, **re** adalah not D, **mi** adalah not E, **fa** adalah not F dan **so** adalah adalah not G.




## Langkah 4

Ciptakan lirik mudah menggantikan solfa. Namakan lagu, pencipta dan tempo yang sesuai bagi ciptaan tersebut.

### Selamat Sejahtera

♩ = 104

Lagu dan lirik : Batrisyia








### Contoh Gubahan Persembahan

### Selamat Sejahtera

♩ = 104

Lagu dan lirik : Batrisyia




**Cadangan Aktiviti**

Kerja Berpasukan — Kemahiran Abad ke-21 — Mencipta

Bentukkan kumpulan dan ciptakan melodi $\frac{4}{4}$ sepanjang 16 bar. Persembahkan hasil ciptaan anda pada akhir pembelajaran. Selamat mencipta.

## Penilaian

1 Apakah yang akan terjadi sekiranya berlaku ketegangan pada rongga tekak, mulut dan hidung semasa nyanyian?

______________________________________________

2 Bentukkan dua kumpulan. Kumpulan 1 akan menyanyikan suara 1 dan kumpulan 2 akan menyanyikan suara 2 bagi lagu Inspirasi.

Penilaian berdasarkan:

Pic /30 Harmoni /30 Sebutan /20 Persembahan /5 Ekspresi /15

3 Tandakan penjarian gitar bagi kord berikut.

**D minor**




**A Major**




**G minor**




4 Tuliskan penjarian gitar skel $B^\flat$ Major.





5 Nyatakan fungsi ensembel gong besar dalam jadual berikut

| Gong Besar di Negeri Sarawak | Gong Besar di Negeri Sabah |
|---|---|
| | |

6 Senaraikan alat muzik yang digunakan dalam ensembel gong besar dalam jadual berikut.

| Gong Besar di Negeri Sarawak | Gong Besar di Negeri Sabah |
|---|---|
| i. | i. |
| ii. | ii. |
| iii | iii |
| iv. | iv. |

### Tandakan tahap penguasaan anda.

Menguasai nyanyian secara harmoni dengan lontaran suara yang betul.
**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Menguasai bermain gitar dengan penjarian kord $B^\flat$ Major, $E^\flat$ Major dan F Major dengan betul.
**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Menguasai bermain gitar dengan skel penjarian $B^\flat$ Major dengan betul.
**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Menulis skel F Major (1 oktaf) dalam klef trebel secara menaik dan menurun.
**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Menganalisis apresiasi ensembel gong besar.
**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Mencipta melodi dalam meter $\frac{4}{4}$.
**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Unit 4

# IDOLAKU

**1.1 Bernyanyi Secara Ensembel**

1.1.2 Bernyanyi dengan teknik yang betul:
- (iii) penghasilan ton

**2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensembel**

2.1.1 Memainkan alat muzik secara ensembel berdasarkan skor.
- (i) teknik yang betul
- (ii) pic yang betul
- (iii) ton yang baik
- (iv) irama yang betul

2.1.2 Memainkan alat muzik dengan keseimbangan bunyi yang sesuai.

**3.1 Notasi Muzik**

3.1.6 Menulis skel dalam klef trebel secara menaik dan menurun dalam:
- (ii) D minor harmonik (1 oktaf)
- (iii) C pentatonik (1 oktaf)

**4.1 Pengkaryaan Muzik**

4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada C Major menggunakan:
- (i) meter $\frac{2}{2}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$
- (ii) jenis not 𝅝 𝅗𝅥 ♩ ♪
- (iii) tanda rehat 𝄻 𝄼 𝄾 𝄽

4.1.2 Merancang dan membuat persembahan hasil ciptaan.





*Tan Sri P. Ramlee merupakan seorang Tokoh Seni dan seniman agung yang berasal dari Pulau Pinang. Beliau merupakan ikon seni yang berjaya mencorakkan ragam dunia hiburan tanah air yang meliputi nyanyian, lakonan dan gubahan lagu. Beliau telah menerbitkan 66 buah filem dan menghasilkan sebanyak 360 buah lagu.*

*-Galeri P.Ramlee @ PPPAPP*



Durasi Pembelajaran 60 Min

## Penghasilan Ton dalam Nyanyian

Sebagai seorang penyanyi, anda perlu mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang sesuatu ton suara itu bagi memudahkan anda menambah baik ton suara anda sendiri. Jadual di bawah menunjukkan beberapa istilah perkataan yang disusun secara perbandingan untuk memerihalkan sesuatu ton suara.



**Jadual 4.1** Panduan dan perbandingan untuk menganalisis ton suara.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Lirik | Ekspresi | Muram | Ceria |
| Seimbang | Tidak seimbang | Suram | Bergema |
| Berangin *(Breathy)* | Jelas | Sengau | Tekak *(Throaty)* |
| Sokongan | Tanpa sokongan | Bertenaga | Lemah |
| Dipaksa | Bebas | Lincah | Kaku |

Fikirkan tentang satu suara nyanyian yang paling anda kagum yang pernah anda dengar. Bagaimanakah dapat anda ceritakan atau perihalkan tentang suara nyanyian tersebut? Biasanya, pernyataan yang diterima adalah sekadar suara itu sedap atau merdu sahaja.

### Latihan Nyanyian 9

Audio 31

♩ = 115




### Latihan Nyanyian 10

Audio 32

♩ = 100




Senandungkan melodi latihan nyanyian berikut.

### Latihan Nyanyian 11

Audio 33

♩ = 110




### Latihan Nyanyian 12

Audio 34

♩ = 110




**NOTA GURU**

1.1.2 (iii)
- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 64 hingga 67.
- Bimbing murid menyanyi secara harmoni.

# Idolaku

♩= 110

Lagu dan lirik : Rosman Adam







## Lirik Lagu Idolaku

Beri satu impian cipta satu harapan
Masa hadapan
**Laju putaran masa**
**Dunia makin mencabar siap sedia**

Kita harus sedar meniti hari depanmu
Kita harus maju maju lewati masamu
**Engkau idolaku kau idolaku**
**Engkau idolaku kau inspirasiku**

Limpahan rahmatmu jangan kau lupakan
Nikmat diterima bersyukurlah
**Engkau idolaku kau idolaku**
**Engkau idolaku kau inspirasiku**

{Info}
Lirik lagu yang berwarna hijau dinyanyikan secara harmoni.

Audio 35 Vokal 2 Suara

Audio 36 Vokal Suara 1

Audio 37 Vokal Suara 2

Audio 38 Minus One

Durasi Pembelajaran 60 Min

## Kenali Kord Primer dalam Nada G minor

Kita akan mempelajari kord primer dalam nada G minor yang terdiri daripada kord G minor, C minor dan D Major.

**Jadual 4.2** Carta kord primer dalam nada G minor.

| **Numerasi Roman** | i | ii° | III | iv | V | VI | VII° |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kord** | Gm | A dim | B♭ | Cm | D | E♭ | F |



















**NOTA GURU**

2.1.1
(i) (ii) (iii) (iv)
2.1.2

- Durasi pembelajaran selama 120 minit melibatkan halaman 68 hingga 71.
- Bimbing murid memahirkan kord yang dipelajari.





## Penjarian Gitar Skel G minor Harmonik




**Cadangan Aktiviti** Mengaplikasi

Mainkan skel G minor Harmonik dengan penjarian yang betul.



Tandakan tahap penguasaan anda.

Mahir ◯ Hampir Mahir ◯ Sederhana Mahir ◯

Durasi Pembelajaran 60 Min

## Latihan Bermain Gitar Kord G minor, C minor dan D Major.

Mari kita menyanyi corak irama sambil menepuk tempo berikut sebelum mula bermain gitar.




### Latihan *Strumming* 7

Latihan *Strumming* mengiringi lagu Audio 39.

♩ = 80 *Intro 2 bar*

**Titik-titik**

Audio 39




### Latihan *Strumming* 8

Latihan *Strumming* mengiringi lagu Audio 40.

♩ = 80 *Intro 2 bar*

**Indahnya**

Audio 40



Durasi Pembelajaran 60 Min

## Skel D minor Harmonik

Skel D minor harmonik adalah diasaskan daripada skel D minor *natural*. Seperti mana anda pernah pelajari dahulu, untuk menghasilkan skel D minor *natural* ini, ia perlu disandarkan pada skel relatif Majornya. F Major merupakan relatif Major bagi skel D minor *natural* (not B menjadi B *flat* dalam skel D minor *natural*).

**TAHUKAH ANDA ?**

Bagi not yang ada tanda kromat seperti ♯ atau ♭ dalam satu bar, jika not yang sama ditulis semula, tanda kromat untuk not tersebut tidak perlu di tulis lagi. Contoh, lihat skel D minor harmonik menaik dan menurun. Dalam skel menurun not B tetap menjadi not B♭ dan not C tetap menjadi not C♯ walaupun tiada tanda kromat diletakkan pada not tersebut.

**Skel D minor Natural Tanpa Tanda Nada**




**Skel D minor Harmonik Menaik Tanpa Tanda Nada**




**Skel D minor Harmonik Menurun Tanpa Tanda Nada**




**Skel D minor Harmonik Menaik dan Menurun Tanpa Tanda Nada**




**NOTA GURU**

3.1.6
(ii) (iii)

- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 72 hingga 75.





## Latihan

Mengaplikasi

1. Notasikan skel D minor harmonik berikut dan kaitkan not semitonnya.

   a. Menaik dengan tanda nada

   b. Menurun tanpa tanda nada

   c. Menaik dan menurun tanpa tanda nada

2. Notasikan skel A minor harmonik menaik dengan tanda nada dan kaitkan not semitonnya.

3. Notasikan skel E minor harmonik menurun tanpa tanda nada dan kaitkan not semitonnya.

4. Notasikan skel E minor harmonik menaik dan menurun dengan tanda nada dan kaitkan not semitonnya.

Durasi Pembelajaran 60 Min

## Skel Pentatonik

Skel pentatonik merupakan sebuah skel yang mengandungi 5 pic, berbanding dengan skel Major atau minor yang mengandungi tujuh not dalam satu skel. Skel pentatonik digunakan dalam melodi lagu-lagu yang mudah dan melodi lagu-lagu rakyat. Pic-pic yang terdapat dalam skel pentatonik C Major ialah not C, D, E, G dan A.

**INFO MUZIK**

Terdapat dua jenis skel pentatonik iaitu skel pentatonik Major dan skel pentatonik minor. Skel pentatonik Major mengambil not-not 1, 2, 3, 5 dan 6 dalam skel major. Manakala skel pentatonik minor pula mengambil not-not 1, 2, 3, 5 dan 6 dalam skel minor.




**Skel Pentatonik C Major Menaik**



**Skel Pentatonik C Major Menurun**



**Skel Pentatonik C Major Menaik dan Menurun**





## Latihan

Mengaplikasi

1. Bina skel pentatonik C Major dengan menggunakan not semibrif.

a. Menaik.



b. Menurun.



c. Menaik dan menurun.



2. Notasikan skel pentatonik C Major menaik dan menurun dengan menggunakan irama yang diberikan.





Durasi Pembelajaran 60 Min

## Improvisasi Idea Melodi

Di dalam unit ini, kita akan mempelajari cara membuat improvisasi melodi lagu dengan mengubah irama asal atau lagu ciptaan kita. Kaedah ini mampu membantu dan membina kreativiti anda bagi membuat penambahbaikan atau pengubahsuaian kepada sesuatu hasil.

**TAHUKAH ANDA ?**

Ciptaan lagu merupakan harta intelek yang terpelihara.

### Langkah 1

Mengenal pasti ruang improvisasi di dalam keratan melodi.

Pilih not yang sesuai seperti not ♩ dan ubah kepada not ♪




### Langkah 2

Menukar irama krocet kepada ♪. Apabila melodi yang mempunyai lirik diubah, anda perlu mengubah lirik yang bersesuaian.




Irama yang sudah diimprovisasi memerlukan perubahan pada lirik lagu bagi mencukupkan suku kata lagu

**NOTA GURU**

4.1.1 (i) (ii) (iii) 4.1.2

- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 76 hingga 77.

### Langkah 3

Cipta improvisasi irama sepenuhnya dan tuliskan lirik yang sesuai.




**Cadangan Aktiviti** — Mencipta

Pilih satu lagu yang terdapat dalam buku ini dan buat improvisasi terhadap irama dan hasilkan lirik yang sesuai dengan hasil improvisasi tersebut. Persembahkan hasil improvisasi anda.

## Penilaian

1 Nyanyikan lagu Idolaku secara berkumpulan dengan harmoni yang betul.

Tandakan tahap penguasaan anda melalui penilaian daripada guru.

**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

2 Notasikan skel D minor harmonik menaik tanpa tanda nada dan kaitkan dengan semitonnya (jenis not krocet).



3 Notasikan skel D minor harmonik menaik dan menurun dengan tanda nada dan kaitkan semiton (jenis not krocet).



4 Mainkan skel G minor harmonik menaik dan menurun dalam satu oktaf pada gitar dengan penjarian yang betul.



5 Notasikan skel pentatonik C Major secara menurun (jenis not semibrif).





6 Improvisasikan melodi dan lirik di bawah.






### Tandakan tahap penguasaan anda.

Menguasai nyanyian secara harmoni dengan ton yang baik.

**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Menguasai penjarian gitar dengan penjarian kord G minor, C minor dan D Major dengan betul.

**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Menguasai bermain gitar dengan skel penjarian kord primer G minor dengan betul.

**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Membaca, menulis dan menganalisis not dalam skel D minor harmonik dan skel pentatonik C.

**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Mencipta improvisasi idea melodi.

**Mahir** ○ **Hampir Mahir** ○ **Sederhana Mahir** ○

Unit 5

# BUMIKU TERCINTA

**1.1 Bernyanyi Secara Ensembel**

1.1.2 Bernyanyi dengan teknik yang betul:
- (ii) sebutan huruf konsonan

**2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensembel**

2.1.1 Memainkan alat muzik secara ensembel berdasarkan skor.
- (i) teknik yang betul
- (ii) pic yang betul
- (iii) ton yang baik
- (iv) irama yang betul

2.1.2 Memainkan alat muzik dengan keseimbangan bunyi yang sesuai.

**3.1 Notasi Muzik**

3.1.9 Mengenal pasti dan membezakan kord Major dan minor.

**4.1 Pengkaryaan Muzik**

4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada C Major menggunakan:
- (i) meter $\frac{2}{2}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$
- (ii) jenis not 𝅝 𝅗𝅥 ♩ ♪
- (iii) tanda rehat 𝄻 𝄼 𝄾 𝄽

**5.1 Penghayatan Muzik daripada Pelbagai Genre**

5.1.1 Menganalisis dan memberi pendapat tentang muzik Malaysia yang didengari dari aspek:
- (i) genre muzik
- (ii) latar belakang muzik
- (iii) alat muzik
- (iv) fungsi muzik
- (v) cara persembahan
- (vi) elemen muzik :
  - a) irama
  - b) melodi
  - c) ekspresi

5.1.2 Merancang dan membentangkan ulasan muzik.





*Taman Negara Endau Rompin, terletak di sempadan Johor dan Pahang merupakan taman negara yang kedua terbesar. Kawasan seluas kira-kira 80 000 hektar ini, kaya dengan flora dan fauna eksotik yang meliputi kawasan tadahan air sungai Endau dan Rompin.*

*Ensembel Nyanyian*

Durasi Pembelajaran 60 Min

## Nyanyian dengan Sebutan Huruf Konsonan

Kepetahan dalam menyebut huruf-huruf konsonan (selain daripada huruf vokal a, e, i, o, u) dalam nyanyian seperti misalnya huruf s, p, b, t atau m akan menghasilkan sebutan bahasa yang lebih jelas dan tepat.

Mari kita menyebut perkataan-perkataan di bawah secara cepat. Latihan ini dikenali sebagai pematah lidah (tongue twister).

**INFO MUZIK**

Pematah lidah (tongue twister) bertujuan untuk menjadikan sebutan dalam nyanyian lebih seragam, jelas dan ketara.

Muzik mozart merdu.

Buaya biawak beruang.

Ular lari lurus.

Kakakku kata kuku kakiku kotor.
Ku kikis kuku kotor kakiku.

### Latihan Nyanyian 13

Audio 41

♩ = 110




Senandungkan melodi latihan nyanyian berikut.

### Latihan Nyanyian 14

Audio 42

♩ = 85




**NOTA GURU**

1.1.2 (ii)
- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 82 hingga 85.
- Bimbing murid menyanyikan lagu Bumiku Tercinta secara baris demi baris.
- Bimbing murid beryanyi suara kedua lagu Bumiku Tercinta.

### Latihan Nyanyian 15

Audio 43

♩ = 85




### Latihan Nyanyian 16

Audio 44

♩ = 85




### Latihan Nyanyian 17

Audio 45

♩ = 85



## Mari Bernyanyi

### Bumiku Tercinta

♩= 85

Lagu dan lirik : Yusri Hj. Hussain









### Lirik Lagu Bumiku Tercinta

Bumi indah suburnya kehijauan
Pembangunan menjurus kegemilangan
Penduduknya hidup aman harmoni
Gigih berusaha menuju jaya

Teguh setia menuju ke wawasan
**Mewariskan impian pengharapan**
Bangga dan megah bersama pemimpinnya
**Bergerak maju ke era jaya**

Berdisiplin dan beramanah
**Nilai murni semaikan di hati**
Gemblengkan sluruh tenaga
Menuju arah **kecemerlangan**

Mari kita berikrar
Berganding tangan satu suara
Mencapai cita hasrat wawasan
bersama-sama bumiku tercinta

**{Info}**
Lirik lagu yang berwarna hijau dinyanyikan secara harmoni.

Audio 46 Vokal 2 Suara

Audio 47 Vokal Suara 1

Audio 48 Vokal Suara 2

Audio 49 Minus One

Durasi Pembelajaran 60 Min

## Teknik *Alternate Picking*

Kaedah menggunakan plektrum dengan betul.

Teknik ini digunakan untuk memetik tali gitar secara selang seli. Teknik ini dapat membantu pemain gitar menghasilkan warna ton yang lebih baik. Kita boleh mengunakan teknik ini sewaktu memainkan skel sebagai latihan. Teknik ini digunakan untuk permainan gitar secara solo.



## Latihan *Alternate Picking* dalam Skel

### Skel F Major




### Skel D minor Harmonik




NOTA GURU

2.1.2 • Durasi pembelajaran selama 120 minit melibatkan halaman 86 hingga 89.





### Skel B♭ Major




### Skel G Major minor Harmonik




## Papan Jejari

Setiap *fret* dalam permainan gitar menentukan pic yang berbeza.

Not sama seperti *open string* tetapi menaik satu oktaf.

| Nombor tali | *Open strings* | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6 | E | F | F#/G♭ | G | G#/A♭ | A | A#/B♭ | B | C | C#/D♭ | D | D#/E♭ | E | F | F#/G♭ | G |
| 5 | B | C | C#/D♭ | D | D#/E♭ | E | F | A#/B♭ | G | G#/A♭ | A | A#/B♭ | B | C | C#/D♭ | D |
| 4 | G | G#/A♭ | A | A#/B♭ | B | C | C#/D♭ | D | D#/E♭ | E | F | F#/G♭ | G | G#/A♭ | A | A#/B♭ |
| 3 | D | D#/E♭ | E | F | A#/G♭ | G | G#/A♭ | A | A#/B♭ | B | C | C#/D♭ | D | D#/E♭ | E | F |
| 2 | A | A#/B♭ | B | C | C#/D♭ | D | D#/E♭ | E | F | F#/G♭ | G | G#/A♭ | A | A#/B♭ | B | C |
| 1 | E | f | F#/G♭ | G | G#/A♭ | A | A#/B♭ | B | C | C#/D♭ | D | D#/E♭ | E | F | F#/G♭ | D |

Nombor *fret*



Durasi Pembelajaran 60 Min

## Bermain Gitar Mengiringi Lagu Hai Hello Hello

Iringi lagu Hai Hello Hello dengan gitar mengikut kord di dalam skor lagu dengan betul.

### Hai Hello Hello

♩= 80

Lagu dan lirik : Rosman Adam







Audio 50

Audio 51




Unit 5

## Muzik Klasikal India

Muzik Klasikal India merupakan muzik yang berasaskan kepada zikir dan ratib (keagamaan), muzik kuil dan muzik rakyat. Muzik ini merupakan antara muzik yang tertua di dunia dan telah muncul lebih 3000 tahun dahulu. Apabila Kesultanan Islam Delhi mula bertapak dan berkembang di utara India pada kurun ke-12, muzik klasikal India terbahagi kepada dua iaitu Muzik Hindustani di utara India dan Muzik *Karnatak* di selatan India. Perkembangan pengaruh Islam di bahagian utara India telah membawa masuk pengaruh muzik dari Arab dan Parsi. Pengaruh muzik ini telah bergabung dengan muzik Klasikal India yang asal.

### Muzik *Karnatak* di Malaysia

Di Tanah Melayu, muzik *Karnatak* dibawa oleh guru-guru muzik dari India dan diajar kepada penduduk-penduduk tempatan berketurunan India. Genre muzik ini boleh dikesan di kuil-kuil Hindu di Malaysia. Di samping itu, muzik *Karnatak* masih terpelihara dan dipersembahkan di persatuan dan institusi-institusi swasta. Badan-badan ini menaungi pengajaran muzik instrumental dan vokal Klasik India dan mempersembahkan konsert-konsert muzik, tarian dan drama India.

**INFO MUZIK**

Sebuah naskah mengenai seni persembahan telah dihasilkan oleh seorang ahli muzikologis yang bernama Bharata Muni kira-kira pada abad kedua Sebelum Masihi, Hampir kesemua konsep dan istilah muzik klasik India antaranya seperti pic, jeda, skel, mod, melodi, raga, tala dan irama ada dimuatkan di dalam naskah ini.

**QR CODE**

Best Marathi Abhang Ever|Ranjani & Gayatri.|Raga Chandrakauns
https://arasmega.com/qr-link/best-marathi-abhang-ever-ranjani-&-gayatri-raga-chandrakauns/

### Cara Persembahan

Dalam muzik *Karnatak*, terdapat tiga bahagian dalam setiap persembahan muzik iaitu *Ragam*, *Talam* dan *Pallavi*. Dalam ketiga-tiga bahagian ini teknik improvisasi sering dimainkan atau dinyanyikan. Teknik improvisasi amat penting dalam muzik Klasikal India. Dalam sesuatu persembahan muzik hanya satu *raga* atau lebih yang dimainkan atau dinyanyikan. *Ragam* merupakan bahagian pengenalan dalam sesuatu *raga*. *Talam* pula merupakan sukukata irama yang diimprovisasi dalam raga yang sama. Sementara *Pallavi* merupakan lagu yang dimainkan atau dinyanyikan dalam *raga* tersebut.



**NOTA GURU**

5.1.1 • Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 90 hingga 93.





### Alat Muzik

**1 Kordofon**



Biola
Vina
Tambura

**2 Erofon**



Sruti
Nagasvaram
Venu

**3 Idiofon**



Ghatam
Morsing

**4 Membranofon**



Tavil
Mridangam
Kanjira

### Fungsi Muzik

Digunakan sebagai ritual (keagamaan), persembahan kebudayaan muzik Klasikal India dan perfileman.

**Cadangan Aktiviti**

Dalam kumpulan antara 4 hingga 5 orang ahli, cari maklumat tentang Muzik *Karnatak* kemudian masukkan ke dalam folio anda masing-masing.

### Elemen Muzik

**Melodi**

*Tala* merujuk kepada ukuran masa atau irama dalam muzik Klasikal India. *Tala* mengandungi bit-bit tertentu. Sesebuah tala diulangi pada keseluruhan lagu dan merupakan asas untuk menyusun rentak dalam lagu tersebut. *Tala* tertentu terdiri daripada beberapa bit atau kiraan. Tala terdiri daripada beberapa set kiraan. Antara kiraan yang biasa muzik Klasikal India ialah 6, 8, 5,7, dan 12.

**Irama**

Muzik India menggunakan *raga* untuk menghasilkan melodi. *Raga* ialah asas penciptaan sesebuah melodi. Ia mempunyai pertalian dengan mud dan perasaan tertentu dan juga masa-masa tertentu dalam hari iaitu mud waktu pagi, petang, musim-musim dalam setahun, musim panas dan hujan. *Raga* terdiri daripada beberapa pic yang berturut-turut seperti skel dengan corak menaik dan corak menurun tertentu.

**Ekspresi**

*Raga* dan *tala* merupakan asas untuk mencipta dan mengimprovisasikan melodi dan rentak dalam muzik Klasikal India. Setiap *raga* mempunyai emosinya yang tertentu. Terdapat sembilan emosi dalam raga seperti lucu, marah, berkuasa, takut, tenang dan lain-lain lagi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa elemen ekspresi begitu ketara dalam muzik Klasikal India.



## Muzik Hindustani

Dalam muzik Klasikal Hindustani Rag atau raga diklasifikasikan mengikut jenis skel yang dipanggil *that*. Ada sepuluh that tertentu yang ditentukan dalam muzik Hindustani. Walaupun begitu, terdapat jenis-jenis *that* yang lain. Tetapi, sistem sepuluh *that* ini masih digunakan sebagai panduan mengklasifikasikan *rag* dalam muzik ini.

## Cara Persembahan

Cara persembahan muzik tradisi Hindustani lebih banyak kepada muzik vokal. Jenis-jenis muzik vokal antaranya ialah *Bandish, Dhrupad, Khyal, Tarana, Thumri* dan *Ghazal*. Walau bagaimanapun muzik instrumental masih dimainkan dalam persembahan. Dalam *Bandish* atau *Gat*, melodi dicipta dalam *that* tertentu dan dipersembahkan dengan iringan *tabla* atau *pakjavaj*.

## Alat Muzik

Alat muzik yang paling terkenal ialah *sitar* and *tabla*. Selain itu terdapat juga *sarod, sarangi, tambura, harmonium* dan lain-lain.

**Kordofon**



*Sitar*



*Sarod*



*Tambura*



*Sarangi*

**Membranofon**

*Tabla*



*Bayan* *Dayan*



*Nahara*



*Phakavaj*

**Erofon**



*Harmonium*



*Shahnai*



*Bamsri*



## Elemen Muzik dalam Muzik *Karnatak* dan Muzik Hindustani

**Irama**

*Tala* merujuk kepada ukuran masa atau irama dalam muzik *Karnatak*. Di dalam muzik Hindustani, ia dikenali dengan nama *tal*. Konsep iramanya adalah sama dengan muzik *Karnatak*.

**Melodi**

Konsep melodi di dalam muzik Hindustani juga adalah sama dengan yang terdapat dalam muzik *Karnatak*. Istilah sahaja yang berbeza. Dalam muzik Klasikal Hindustani, melodi dikenali sebagai *rag*, sementara di dalam muzik Klasikal *Karnatak* ia dipanggil *raga*.

**Ekspresi**

Konsep ekspresi dalam muzik Hindustani juga sama dengan yang terdapat dalam muzik *Karnatak*. Terdapat sembilan emosi dalam *raga* seperti lucu, marah, berkuasa, takut, tenang dan lain-lain lagi. Pemuzik memberikan gambaran emosi mereka dalam lagu yang dimainkan dan memberikan kesan yang mendalam kepada jiwa para penonton atau pendengar.

**Cadangan Aktiviti**

Bentukkan kumpulan dan cari maklumat persamaan dan perbezaan antara muzik *Karnatak* dan muzik Hindustani yang meliputi latar belakang, fungsi muzik, cara persembahan, elemen muzik dan cara alat muzik dimainkan kemudian masukkan ke dalam folio masing-masing.

QR CODE

Ustad Rashid Khan|Raag Bageshri|Hindustani Classical|Idea Jalsa|Art and Artistes
https://arasmega.com/qr-link/ustad-rashid-khan-raag-bageshri-hindustani-classical-idea-jalsa-art-and-artistes/



Durasi Pembelajaran 60 Min

## Kord Primer dalam Nada F Major dan D minor

Mari kita imbas kembali tentang kord primer. Bagi nada Major, kord primer adalah kord I, IV dan V manakala nada minor pula ialah kord i, iv, v. Berikut merupakan kord primer bagi nada Major dan minor:

| Skel | Kord I | Kord IV | Kord V |
|---|---|---|---|
| **C Major** | C Major | F Major | G Major |
| **G Major** | G Major | C Major | D Major |

| Skel | Kord i | Kord iv | Kord V |
|---|---|---|---|
| **A minor** | A minor | D minor | E Major |
| **E minor** | E minor | A minor | B Major |

Pembentukan kord primer dalam nada F Major terdiri daripada kord F Major (I), B♭ Major (IV) dan C Major (V).




Pembentukkan kord primer dalam nada D minor pula terdiri daripada Kord D Minor (i), G Minor (iv) dan A Major (V).




**NOTA GURU**

3.1.7
3.1.8
(i) (ii)

- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 94 hingga 95.



## Latihan

Mengaplikasi

1. Namakan kord-kord primer yang terdapat dalam nada F Major dengan menggunakan huruf Roman (I, IV dan V).



2. Notasikan kord primer F Major dalam kedudukan perdu menggunakan jenis not semibrif.



3. Notasikan kord primer D minor dalam kedudukan perdu menggunakan jenis not semibrif.



4. Notasikan kord-kord primer mengikut tanda nada yang diberikan dengan menggunakan jenis not minim.



Durasi Pembelajaran 60 Min

## Mencipta Improvisasi Melodi

Di dalam unit, ini kita akan mengembangkan penciptaan melodi asal. Mengubah suai melodi memberikan variasi terhadap melodi asal. Di sini kita hanya mengubah kedudukan not tanpa mengubah irama dan secara tidak langsung dapat mengekalkan suku kata dan lirik lagu. Cara ini mampu mengembangkan kreativiti dalam penciptaan.

**TAHUKAH ANDA ?**

Improvisasi melodi sering dibuat dalam muzik jazz dan juga RnB.

**Teknik 1**

Mengenal pasti format melodi yang akan diubah kemudian, mengubah kedudukan not di dalam baluk tanpa mengubah irama lagu.

**Melodi A**

Melodi asal




Melodi yang diubah




**Melodi B**

Melodi asal




Melodi yang diubah




**NOTA GURU**

4.1.1
4.1.2

- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 96 hingga 97.





Membuat improvisasi kepada ciptaan anda memberikan satu variasi kepada melodi asal. Kali ini kita mengubah kedudukan not dan mengubah irama. Lirik lagu juga berubah mengikut jumlah sukukata tanpa mengubah maksud lirik lagu

**Teknik 2**

Mengubah kedudukan not dan irama di dalam baluk. Lirik lagu diubah mengikut jumlah suku kata.

**Melodi A**

Melodi asal




Melodi yang diubah




**Melodi B**

Melodi asal




Melodi yang diubah




Anda boleh mengubah keseluruhan 4 bar atau mengubah 2 bar terakhir dalam teknik ini. Teknik lagu boleh berubah di dalam 4 bar atau lebih bergantung kepada corak irama dan melodi ciptaan anda.

**Cadangan Aktiviti** — Mencipta

Pilih satu lagu yang terdapat dalam buku ini dan buat improvisasi terhadap melodi seperti yang telah dipelajari. Persembahkan hasil improvisasi anda di hadapan rakan-rakan.

## Penilaian

Jawab soalan-soalan berikut.

1 Bentukkan dua kumpulan. Kumpulan 1 akan menyanyikan suara 1 dan kumpulan 2 akan menyanyikan suara 2 lagu Bumiku Tercinta secara harmoni.

Penilaian berdasarkan:

Pic /30 Harmoni /30 Sebutan /20 Persembahan /5 Ekspresi /15

2 Tuliskan penjarian gitar bagi skel B♭ Major berikut.



3 Senaraikan alat muzik yang digunakan dalam Muzik *Karnatak* dan Muzik Hindustani dan cara dimainkan.

| | **Muzik *Kartanak*** | **Muzik Hindustani** |
|---|---|---|
| **Kordofon** | | |
| **Erofon** | | |
| **Idiofon** | | |
| **Membranofom** | | |

4 Ciptakan sambungan melodi ini. Gunakan corak irama yang sama dengan menukar not.



5 Kenal pasti nada dan kord primer.

a. Nada: ______________________



b. Nada: ______________________



c. Nada: ______________________



### Tandakan tahap penguasaan anda.

Menguasai nyanyian dengan sebutan konsonan dengan baik.
Mahir ○ Hampir Mahir ○ Sederhana Mahir ○

Menguasai bermain gitar mengiringi lagu.
Mahir ○ Hampir Mahir ○ Sederhana Mahir ○

Menghayati apresiasi Muzik Klasikal India.
Mahir ○ Hampir Mahir ○ Sederhana Mahir ○

Mengenal dan membezakan kord primer dalam nada F Major dan D minor.
Mahir ○ Hampir Mahir ○ Sederhana Mahir ○

Mencipta improvisasi melodi.
Mahir ○ Hampir Mahir ○ Sederhana Mahir ○



Unit 5

Unit 6

# HARAPANKU MALAYSIA

**1.1 Bernyanyi Secara Ensembel**

1.1.1 Bernyanyi lagu dua lapisan suara dengan:
- (i) pic yang betul

**2.1 Bermain Alat Muzik Secara Ensembel**

2.1.1 Memainkan alat muzik dengan keseimbangan bunyi yang sesuai.
- (i) teknik yang betul
- (ii) pic yang betul
- (iii) ton yang baik
- (iv) irama yang betul

2.1.2 Memainkan alat muzik dengan keseimbangan bunyi yang sesuai.

2.1.3 Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni aktiviti permainan alat muzik:
- (i) sebelum, semasa dan selepas latihan
- (ii) sebelum, semasa dan selepas persembahan

**3.1 Notasi Muzik**

3.1.9 Mengenal pasti dan membezakan kord Major dan minor

**4.1 Pengkaryaan Muzik**

4.1.1 Mencipta melodi mudah dalam nada C Major menggunakan:
- (i) meter $\frac{2}{4}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$
- (ii) jenis not 𝅝 𝅗𝅥 ♩ ♪



*Putrajaya merupakan Pusat Pentadbiran Kerajaan Malaysia yang mempunyai seni bina unik dan dilengkapi prasarana moden. Terletak dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia (MSC) merupakan mercu kepesatan Malaysia sejajar dengan era kemajuan dunia.*

Ensembel Nyanyian

Durasi Pembelajaran 60 Min

## Beryanyi Mengikut Pic

Sesetengah murid peka dalam mendengar muzik, melodi dan pic. Manakala, ada murid yang sukar untuk menyanyi dengan pic atau tempo yang betul. Terdapat pelbagai cara untuk mengatasi masalah tersebut. Melalui latihan yang kerap dan sistematik serta meningkatkan kesedaran kendiri, masalah-masalah dalam nyanyian boleh diatasi dan anda boleh menjadi seorang penyanyi yang baik.

1. Jika anda ada masalah dalam nyanyian, contohnya nyanyian pic yang kurang tepat, anda perlu perbanyakkan repertoir dalam menyanyikan lagu-lagu yang mudah seperti lagu kanak-kanak atau lagu rakyat. Bimbingan daripada guru muzik atau rakan sebaya yang baik dari segi nyanyian adalah penting semasa latihan.

Contoh lagu rakyat

### Wau Bulan




2. Bernyanyi dalam skel Major. Ia amat bermanfaat untuk menyelesaikan masalah pic dan meningkatkan sela suara nyanyian anda.

a. Mainkan skel C Major pada piano atau gitar.

b. Mulakan dengan nyanyian secara pendengaran dalaman.

c. Menyanyikan skel tersebut secara bersama *(sing along)*. Nyanyian dengan pic yang betul.

d. Setelah mahir beralih kepada skel-skel yang lain.

**NOTA GURU**

1.1.1 (i)

- Durasi pembelajaran selama 120 minit melibatkan halaman 102 hingga 105.
- Bimbing murid menyanyi secara harmoni.



3. Nyanyian secara arpeggio akan dapat meningkatkan keupayaan nyanyian pada pic-pic yang melompat seperti:




### Latihan Nyanyian 18

Audio 52




### Latihan Nyanyian 19

Audio 53



Durasi Pembelajaran 60 Min

## Mari Bernyanyi

### Harapanku Malaysia

♩= 70

Lagu dan lirik : Rosman Adam







### Lirik Harapanku Malaysia

Untukmu Malaysia ku sumpah janji setia
Kan ku jaga pelihara tanah Malaysia
**Di siniku dilahirkan di sini ku dibesarkan**
Dengan didikan sempurna
Oh tanah Malaysia

Malaysiaku ini tanah tercinta ini
Bersama membangunkan memakmurkan

Oooo Malaysia ku ini Tanah tercinta ini
Majulah negaraku di persada

Oooo untukmu Malaysia kan ku tumpah setia
**Untukmu Malaysia majulah di persada**
**Untukmu Malaysia kan ku tumpah setia**
**Untukmu Malaysia majulah di persada**

Audio 54 Vokal 2 Suara

Audio 55 Vokal Suara 1

Audio 56 Vokal Suara 2

Audio 57 Minus One

**Info**
Lirik lagu yang berwarna hijau dinyanyikan secara harmoni.

Durasi Pembelajaran 60 Min

## Bermain Gitar Mengiringi Lagu Idolaku

Iringi lagu dengan gitar mengikut kord di dalam skor lagu dengan betul.

### Idolaku

♩= 110

Lagu dan lirik : Rosman Adam







Audio 58

Audio 59

**NOTA GURU**

2.1.3

- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 106 hingga 108.
- Bincangkan mengenai etika latihan dan etika persembahan di dalam kelas.

# Etika dalam Permainan Alat Muzik

## Etika Latihan

### a Sebelum Latihan

- Bersedia lebih awal sebelum sesi latihan bermula.
- Membawa skor muzik yang diperlukan.
- Menyediakan alat muzik yang diperlukan.
- Buat penyelarasan talaan bersama rakan dengan menggunakan alat talaan yang sesuai.
- Membuat latihan individu bagi mengisi masa yang terluang.
- Latih tubi bahagian yang perlu sebelum membuat latihan dalam kumpulan.

### b Semasa Latihan

- Mengikut arahan ketua atau konduktor muzik.
- Perbaiki perkara yang ditegur oleh ketua yang merangkumi keseimbangan bunyi, teknik dan sebagainya.
- Membuat catatan bagi perkara-perkara seperti pindaan pada skor muzik.

### c Selepas Latihan

- Memastikan semua peralatan muzik yang telah digunakan disimpan dengan baik.
- Lap dan bersihkan alat muzik dengan betul bagi mengelakkan kerosakan dan memanjangkan jangka hayat alatan.
- Taklimat ringkas oleh ketua dan mengucapkan terima kasih.
- Memastikan semua suis peralatan elektrik dimatikan sebelum meninggalkan bilik latihan.

## Etika Persembahan

### a Sebelum Persembahan

- Bersedia lebih awal sebelum persembahan bermula.
- Bersedia dengan skor yang telah diberikan.
- Buat penyelarasan talaan bersama rakan dengan menggunakan alatan talaan yang sesuai.

### b Semasa Persembahan

- Berbaris di tempat yang telah disediakan.
- Memastikan sentiasa berada dalam keadaan sedia sebelum memulakan persembahan.
- Menumpu perhatian sepenuhnya semasa persembahan berjalan.
- Bergerak keluar pentas dalam keadaan tertib.

### c Selepas Persembahan

- Memastikan semua peralatan muzik yang telah digunakan disimpan di tempat asal.
- Berhati-hati semasa menyimpan peralatan muzik agar tidak berlaku sebarang kerosakan.
- Mengucapkan terima kasih kepada ketua dan rakan-rakan sebagai tanda penghargaan.

**Cadangan Aktiviti**

Bentukkan kumpulan dan bina peta i-think bagi nilai murni yang diterapkan dalam etika latihan dan persembahan. Bentangkan di hadapan kelas dalam bentuk *powerpoint*.





## Kord Major dan Kord minor

Apakah perbezaan di antara kord Major dan minor?
Mari kita dengar bunyi kord Major dan minor di bawah.

Audio 60




Kord Major akan menghasilkan bunyi yang terang dan riang. Sementara dalam kord minor, kord akan menghasilkan bunyi yang gelap, suram dan sedih.

Kita telah mempelajari bahawa gabungan not I – 3 – 5 dalam sebarang skel akan menghasilkan triad tonik atau kord di dalam *root position*.

Perbezaan di antara kord Major dan minor dapat dilihat pada jarak antara not-not dalam kord atau kord tersebut. Dalam kord D Major di bawah, jarak antara not pertama dengan not ketiga adalah sebanyak 4 semiton. Sementara jarak antara not ketiga dengan not kelima, jaraknya adalah sebanyak 3 semiton juga. Dalam kord D minor pula, jarak antara not pertama dengan not ketiga adalah sebanyak 3 semiton. Sementara jarak antara not ketiga dengan not kelima, jaraknya adalah sebanyak 4 semiton.




**NOTA GURU**

3.1.9 • Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 109 hingga 111.

Jarak not dalam dalam triad atau kord D Major juga dapat dilihat seperti berikut:

D - E - F# - G - A - B - C# - D

(D – F#: 4 semiton; F# – A: 3 semiton)

Jarak not dalam dalam triad atau kord D minor harmonik.

D - E - F - G - A - B♭ - C# - D

(D – F: 3 semiton; F – A: 4 semiton)

Maka, terbentuklah triad atau kord D Major dan D minor seperti yang dinyatakan di atas.

Seterusnya, kita lihat pula triad atau kord G Major dengan G minor.




**Skel G Major**

G - A - B - C - D - E - F# - G

(G – B: 4 semiton; B – D: 3 semiton)

**Skel G minor**

G - A - B♭ - C - D - E♭ - F# - G

(G – B♭: 3 semiton; B♭ – D: 4 semiton)



## Latihan

Mengaplikasi

1 Berdasarkan tanda nada, namakan setiap kord berikut.





2 Notasikan kord-kord di bawah menggunakan jenis not semibrif dengan tanda nada.




3 Notasikan kord-kord di bawah menggunakan jenis not semibrif tanpa tanda nada.



Durasi Pembelajaran 60 Min

## Mencipta Melodi

Di dalam unit ini, kita akan mencipta melodi berasaskan jawapan kepada soalan melodi yang didengari. Di sini kita akan membuat dua jenis ciptaan jawapan iaitu:

1. Mengekalkan irama asal dan mengubah pic.
2. Mengubah irama dan pic asal.

**TAHUKAH ANDA ?**

Sifat melodi yang berulang-ulang membantu pendengar memahami ciptaan dengan lebih baik.

Teknik ini dapat membantu menghasilkan idea tambahan yang lebih baik apabila kita membuat penciptaan. Terdapat banyak lagu ciptaan komersial menggunakan teknik ini sebagai hasil ciptaan mereka.

### 1 Mengekalkan irama asal dan mengubah pic

**Langkah 1**

Menggunakan teknik mengekalkan irama asal dan mengubah pic sebagai jawapan kepada soalan melodi. Pastikan not terakhir berada di pic **do** ataupun tonik.




**Langkah 2**

Mengekalkan corak irama dan menggunakan pic yang berbeza sebagai jawapan kepada melodi soalan.




**NOTA GURU**

4.1.1 • Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 112 hingga 113.
4.1.2 • Bimbing murid membuat jawapan melodi.



### 2 Mengubah irama dan pic asal

**Langkah 1**

Menggunakan teknik mengubah irama asal dan mengubah pic sebagai jawapan kepada melodi soalan. Pastikan not terakhir berada di pic **do** ataupun tonik.




**Langkah 2**

Memberikan jawapan yang tidak sama dengan soalan melodi dari segi irama dan pic.




Berdasarkan contoh, kedua-dua soalan melodi menggunakan irama yang tidak sama. Manakala jawapan melodi tersebut menggunakan irama yang sama.

**Cadangan Aktiviti** — Mencipta

Berdasarkan pembelajaran ini, ciptakan jawapan melodi anda sendiri. Persembahkan jawapan melodi tersebut di hadapan kelas.



## Penilaian

1 Nyanyikan lagu Hai Hello Hello dalam kumpulan kecil dengan diiringi oleh gitar.

Tandakan tahap penguasaan anda melalui penilaian daripada guru.

**Mahir** ◯ **Hampir Mahir** ◯ **Sederhana Mahir** ◯

2 Apakah kord-kord berikut?



3 Dengan menggunakan not minim, notasikan skel D minor harmonik dengan tanda nada atau tanda nada secara menaik dan namakan pic tersebut.



4 Apakah yang akan berlaku sekiranya semua pelajar tidak mematuhi etika semasa persembahan dijalankan?

______________________________________________

______________________________________________



5 Ciptakan sambungan melodi dan lirik mengikut kreativiti anda di bawah.



Tandakan tahap penguasaan anda.

Menguasai nyanyian secara harmoni dengan pic yang betul.

**Mahir** ◯ **Hampir Mahir** ◯ **Sederhana Mahir** ◯

Menguasai bermain gitar mengiringi lagu.

**Mahir** ◯ **Hampir Mahir** ◯ **Sederhana Mahir** ◯

Melaksanakan etika sebelum, semasa dan selepas latihan dan persembahan.

**Mahir** ◯ **Hampir Mahir** ◯ **Sederhana Mahir** ◯

Mengenali perbezaan kord Major dan minor.

**Mahir** ◯ **Hampir Mahir** ◯ **Sederhana Mahir** ◯

Mencipta jawapan melodi berdasarkan soalan melodi yang didengari.

**Mahir** ◯ **Hampir Mahir** ◯ **Sederhana Mahir** ◯

Unit 7

# SELOKA WARISAN

**1.1 Bernyanyi Secara Ensembel**

1.1.1 Bernyanyi lagu dua lapisan suara dengan:
- (i) pic yang betul
- (ii) dinamik yang betul
- (iii) tempo yang betul

1.1.2 Bernyanyi dengan teknik yang betul:
- (i) lontaran suara (*voice projection*)
- (ii) sebutan huruf konsonan
- (iii) penghasilan ton

1.1.3 Bernyanyi dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran menyanyi.

**3.1 Notasi Muzik**

3.1.10 Mengaplikasikan pengetahuan membaca dan menulis notasi dalam aktiviti muzik.





*"Sebuah negara tidak akan memiliki identiti tersendiri tanpa warisan budaya yang kukuh"*

*Tan Sri Dr. Rais Yatim.*

## Pengetahuan dan Kemahiran dalam Nyanyian

Anda telah pun melalui pelbagai pengetahuan dan kemahiran dalam nyanyian. Untuk menghasilkan sesuatu persembahan nyanyian yang baik, terdapat beberapa aspek penting yang perlu diambil kira. Antaranya ialah penyanyi perlu bernyanyi dengan:

1. Pic, sebutan, ton, irama, dinamik dan beberapa aspek muzik yang lain yang betul dan tepat.
2. Secara semulajadi, tenang dan yakin.
3. Interpretasi dan ekspresi yang bersesuaian dengan lagu.
4. Cara tersendiri supaya nyanyian yang dipersembahkan sentiasa segar dan istimewa.

## Komponen Asas dalam Nyanyian

### 1. Pic

Pic merujuk kepada not-not dan bunyi yang kita dengar apabila seseorang itu bernyanyi. Nyanyian yang berpic tepat akan menghasilkan nyanyian yang tidak sumbang atau merdu apabila didengar.

### 2. Irama dan rentak

Semua lagu ada rentaknya yang tertentu. Hal ini menjadi satu keperluan agar penyanyi dapat menguasai irama asas sesebuah lagu tersebut, kemudian barulah lagu yang dinyanyikan itu dapat dijiwai dengan sepenuhnya. Nyanyian tanpa penguasaan irama dan rentak lagu akan menghasilkan nyanyian yang tidak mengikut tempo dan lemah.

### 3. Pernafasan

Pernafasan merupakan komponen yang paling asas dalam nyanyian. Guru-guru vokal akan selalu menitikberatkan tentang kepentingan pernafasan dalam nyanyian. Menguasai teknik pernafasan juga merupakan perkara yang paling utama bagi seseorang penyanyi. Penguasaan pernafasan secara semulajadi dapat membina asas yang kukuh dalam nyanyian.

**NOTA GURU**

1.1.1
1.1.2
1.1.3

- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 118 hingga 121.
- Bimbing murid menyanyikan melodi lagu Seloka Si Kaduk secara baris demi baris.
- Bimbing murid menyanyikan suara kedua lagu Seloka Si Kaduk.



### 4. Ton suara

Penyanyi perlu mengukuhkan organ-organ vokal bagi menghasilkan ton suara yang baik semasa bernyanyi. Penyanyi perlu menguasai amalan nyanyian yang baik, di samping menghasilkan ton suara yang merdu dan ekspresif.

### 5. Sebutan

Dalam nyanyian, sebutan bunyi vokal dan konsonan haruslah jelas. Lirik dan senikata di dalam sesebuah lagu memberi maksud atau idea muzikal kepada pendengar. Pernafasan dan bentuk mulut yang betul akan menghasilkan sebutan yang baik, kualiti ton dan intonasi yang baik.

Senandungkan melodi latihan nyanyian berikut.

**Latihan Nyanyian 20**

Audio 61

♩ = 80




**Latihan Nyanyian 21**

Audio 62

♩ = 80



## Seloka Si Kaduk







### Lirik Lagu Seloka Si Kaduk

Kisah bermula di Cempaka Sari
Si Kaduk malang nama diberi
Lurus bendul tak terperi
Akalnya pendek malang sekali

**Hidup si Kaduk selalu rugi**
**Ayam menang kampung tergadai**
**Ada nasi dibuang tepi**
**Perut lapar sebab tak makan**

Jangan diikut kisah malang si Kaduk
Gunakan akal sabar dan ikhlas
Hidup kita akan selamat
Kisah si Kaduk jadi teladan

**{Info}**
Lirik lagu yang berwarna hijau dinyanyikan secara harmoni.

Audio 63 Vokal 2 Suara
Audio 64 Vokal Suara 1
Audio 65 Vokal Suara 2
Audio 66 Minus One

Durasi Pembelajaran 60 Min

## Analisis Skor Lagu

Anda telah banyak mempelajari tentang notasi muzik dalam pelajaran-pelajaran yang lepas. Berikut adalah sebuah skor lagu Rakyat Terengganu yang bertajuk Patendu Patende. Analisis skor lagu tersebut dan jawab semua soalan yang dikemukakan.

### Patendu Patende




Audio 67

Instrumental

**NOTA GURU**

3.1.10
- Durasi pembelajaran selama 60 minit melibatkan halaman 122 hingga 123.
- Berikan latihan tambahan kepada murid sekiranya murid masih kurang yakin tentang istilah dan simbol dalam skor muzik.



## Latihan

Jawab soalan-soalan berikut.

1. Terangkan mengenai tempo yang digunakan dalam lagu Patendu Patende.

2. Apakah meter yang digunakan dalam lagu Patendu Patende?

3. Apakah fungsi simbol frasa ( ⌒ ) yang terdapat dalam lagu Patendu Patende?

4. Bagaimanakah seseorang perlu menyanyikan melodi pada bar ke-10?

5. Jelaskan bagaimanakah lagu ini dinyanyikan dari bar 1 hingga ke bar 5?

6. Apakah nilai murni yang diperolehi melalui lagu Patendu Patende?

# PENILAIAN AKHIR

*Ensembel Nyanyian*

Pilih latihan dalam ensembel ini dan lakukan persembahan di hadapan kelas. Penilaian diberikan berdasarkan: Pic (25%), ton (25%), teknik (25%) dan persembahan (25%) ekspresi (15%).



























*Ensembel Alat Muzik*

Pilih latihan dalam ensembel ini dan lakukan persembahan di hadapan kelas. Penilaian diberikan berdasarkan:

Pic (25%), ton (25%), teknik (25%) dan persembahan (25%)




*Notasi Muzik*

Bentukkan folio yang menggabungkan semua jenis kord yang telah dipelajari. Persembahan folio digital dalam bentuk *powerpoint* di dalam kelas.




*Penghasilan Muzik*

Berdasarkan Penghasilan Muzik yang telah anda pelajari, pilih sebuah lagu dan ciptakan improvisasi anda kemudian bentangkan di hadapan kelas.

# Glosari

| ISTILAH | PENERANGAN |
|---|---|
| Arpeggio | Not-not dalam sesuatu kord dimainkan satu demi satu secara menaik atau menurun. |
| Bar | Unit pembahagian muzik mengikut meter. |
| Dinamik | Aras kekuatan dan kelembutan sesuatu bunyi. |
| Ensembel | Sekumpulan pemuzik instrumental atau kumpulan vokal yang membuat persembahan bersama-sama. |
| Garis bar | Garis tegak lurus yang mengasingkan setiap bar. |
| Garis leger | Garis mendatar yang pendek ditulis untuk not yang mempunyai pic tinggi atau rendah yang terletak di atas atau di bawah staf muzik. |
| Genre | Kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk atau kandungan tertentu. |
| Jeda | Jarak antara dua not. |
| Klef | Simbol yang digunakan untuk menentukan nama pic pada garis staf. |
| Kord primer | Kord pertama, keempat dan kelima dalam sesebuah nada. |
| Koir | Kumpulan nyanyian yang berpadu suara. Terdapat beberapa jenis koir, iaitu koir wanita, koir lelaki, koir kanak-kanak dan koir campuran. Koir biasanya terdiri lebih daripada 20 orang penyanyi. |
| *Legato* | Bersambung dan tidak terputus-putus. |
| Meter | Tanda masa untuk menetapkan jenis ritma dan sukatan masa setiap bar sesuatu karya muzik. |
| Nada | Pic dalam muzik atau kunci sesuatu muzik berdasarkan sistem tonaliti muzik klasik di Eropah. |
| Pic | Not muzik yang boleh dikaitkan dengan simbol not muzik secara bertulis atau bunyi not muzik. |
| Semiton | Separuh atau setengah ton. |
| Senandung | Nyanyian melodi bukan verbal. |



| ISTILAH | PENERANGAN |
|---|---|
| Skel | Susunan menaik dan menurun not berdasarkan sistem tonaliti muzik Barat. |
| Skor | Karya yang dinotasikan mengikut hasil bunyian yang dikehendaki dan bukan mengikut not yang mesti dimainkan oleh pemuzik alat transposisi seperti hon Inggeris, klarinet Bb, klarinet A dan hon Perancis untuk menghasilkan pic yang dimaksudkan. |
| Slur | Dimainkan atau dinyanyikan secara legato atau tanpa putus antara dua not. |
| *Staccato* | Main secara pendek-pendek atau putus-putus. |
| Staf | Sekumpulan lima garisan untuk menulis not muzik. |
| Solfa | Setiap latihan vokal yang menggunakan nama tertentu bagi setiap not dalam sesuatu skel. |
| Tanda kromat | Simbol yang ditulis di sebelah not muzik untuk menaikkan atau menurunkan kedudukan not tersebut. |
| Tanda nada | Tanda kromat yang ditulis pada permulaan staf muzik untuk menandakan jenis tonaliti sesebuah karya muzik. |
| Tekanan | Penegasan pada not atau not tertentu yang boleh menghasilkan corak irama yang biasa dan tersusun atau corak irama yang luar biasa dan tidak tersusun. |
| Tempo | Kelajuan persembahan dalam sesuatu karya yang disertai tempo seperti *largo*, *allegro*, *presto* dan *moderato*. |
| *Tie* | Garisan melengkung yang menyambungkan kepala dua not yang sama pic dan untuk memanjangkan bunyi. |
| Ton | Karektor bunyi dalam skel. |
| Tonik | Nama teknikal bagi not pertama dalam sesuatu skel. |
| Triad | Kord muzik yang terdiri daripada gabungan tiga not muzik. |

# Rujukan


Anderson,W.M. 2013. *Intergrating Music Into The Elementary Classroom* (9th ed.). Boston: Schirmer Cengage Learning.

Benward, B. 2014. *Music in Theory and Practice Volume* 1. McGraw-Hill.

Boyer, R., & Rozmajzl, M. 2011. *Music Fundamentals Methods and Materials*.

Cecilia Vajda, 1974. *The Kodaly Way to Music - The Method Adapted For British Schools*. England.

Christy, V. A., & Paton, J. G. 2001. *Foundations Iin Singing* (7th ed.). Boston: McGraw Hill.

David, J., & LaTour, S. 2013. *Vocal Technique*: *A Guide For Conductors, Teachers, and Singers*. Illinois: Waveland Press Inc.

David, M. 2013. *The New Voice Pedagogy*. Illinois: Waveland Press Inc.

Matusky, P., Tan, S.B. 2012. *Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

McKinney, J. 1994. *The Diagnosis and Correction of Vocal Faults*. Nashville, TN: Genovex Music Group.

Miller, T.E., Williams, S. 2008. *The Garland Handbook of Southeast Asian Music*. New York: Taylor and Francis Group.

Miller. R. 2011. *The Structure of Singing: System and Art In Vocal Technique*. London: Thompson Learning.

Murray, D. & Hutchison, T. 2008. *Advanced Vocal Technique: Middle Voice, Placement & Style*. Milwaukee: Hal Leonard Corporation.

Ottman, R.W., Rogers, N. 2010. *Music for Sight Singing* (8th ed.). New Jersey: Prentice Hall.

Peter Fletcher. 1987. *Education & Music*. New York Oxford University Press.

Philips, K. H. 2013. *Teaching Kids to Sing* (2nd ed). New York: Macmillan Inc.

Stanton, R. 1983. *Steps To Singing for Voice Classes* (3rd ed.). Belmont: Wadsworth Publishing.

Taylor, E. 2014. *First Steps in Music Theory Grade* 1 to 5. London: ABRSM.

Tan Sooi Beng. (1998). *Muzik Ensembel Gong di Asia Tenggara*. Pulau Pinang: USM




Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** ______________________________

| Tahun | Tingkatan | Nama Murid yang Menerima | Tarikh Terima |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

Nombor Perolehan: ______________________________

Tarikh Penerimaan: ______________________________

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**

RM15.00

9 789672 212041

FT173002